JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 48/2020

**RUJUKAN : 9-11 MEI 2020**


@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my




**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 11 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 5,113** atau 76 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,504 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **70 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,726 kes.** Kes import hanya meliputi 18.6 peratus dari catatan jumlah harian manakala penularan tempatan berjumlah 57 kes dengan sebanyak **31 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 46.9 peratus**, Zon Selatan (24.1 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.2 peratus), Zon Pantai Timur (8.6 peratus) dan Zon Utara (7.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu antaranya** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 35 kes** disusuli Negeri Sembilan sebanyak 16 kes, Sabah (10 kes), Pahang (4 kes) dan Selangor (3 kes). Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 8 buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **109 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **satu rekod kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **9 daerah** dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 10 Mei 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** iaitu melepasi 100 kes adalah **Ibu Kota** dengan **147 kes, Rembau (130 kes)** dan **Batu (102 kes).** Sementara itu, **sejumlah 116 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan W.P Labuan kekal dengan tiada catatan rekod kes aktif sekurang-kurangnya dalam **tempoh 2 minggu**.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **4,098,981 kes** dengan melibatkan **282,553 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,329,072 kes** disusuli oleh Sepanyol dengan 224,350 kes dan United Kingdom (220,449 kes). Secara umumnya, sebanyak 10 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 23,336 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (14,032 kes), Filipina (10,794 kes) termasuk Malaysia (6,726 kes). Sementara itu, **28.1 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 11.3 peratus dan Itali (10.8 peratus). Jumlah kes sembuh yang direkodkan telah menjangkau 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,406,345 kes dengan peratusan sebanyak 34.30 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS**: **Lebih daripada 80 peratus syarikat kecil AS menjangkakan impak jangka panjang akibat penularan wabak COVID-19** di negara tersebut. Hasil tinjauan Veem, sebuah firma rangkaian pembayaran mendapati 81 peratus syarikat kecil AS **menjangkakan impak 12 hingga 16 bulan kehadapan ke atas perniagaan** akibat penularan wabak COVID-19. Selain itu, tinjauan turut mendapati **90 peratus syarikat sedang menstruktur semula perniagaan** bagi menghadapi kelembapan ekonomi pada masa akan datang. Dari **690 syarikat yang disurvei, 65 peratus menyatakan telah mengemukakan dan merancang permohonan bantuan persekutuan, hampir 70 peratus menyatakan kerisauan ke atas ketidakpastian ekonomi AS dan 55 peratus menyatakan telah mengalami kesan yang signifikan ke atas pendapatan**. Selain itu, kira-kira 30 peratus syarikat optimis yang menunjukkan beberapa industri berkembang dalam persekitaran semasa seperti peruncit dalam talian dan perniagaan e-dagang. Tijauan turut mendapati lebih dari separuh keseluruhan syarikat menghadapi gangguan rantaian bekalan akibat penutupan kilang, sekatan sempadan dan aliran barangan seluruh industri. Bagi menghadapi ganguan tersebut, lebih dari satu pertiga menyatakan sedang mengatur rantaian bekalan serantau bagi mendapat bekalan yang diperlukan. (Reuters)

**EU**: **Output perindustrian Itali menjunam -28.4 peratus *MoM* pada bulan Mac 2020**. Kejatuhan output ini adalah lebih besar daripada ramalan oleh 18 penganalisis ekonomi melalui tinjauan Reuters, iaitu pada kadar -20 peratus. Biro perangkaan nasional Itali, ISTAT menyatakan bahawa ini **adalah kejatuhan paling tinggi dalam pengeluaran industri sejak siri semasa bermula pada tahun 1990**. Berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun yang selaraskan mengikut hari bekerja (*working-day adjusted*), output pada bulan Mac turun -29.3 peratus, juga penurunan paling besar semenjak siri data ini disusun, menyusuli kejatuhan -2.3 peratus pada bulan sebelumnya. **Bagi keseluruhan suku pertama 2020, output dalam ekonomi ketiga terbesar zon Eropah ini turun -8.4 peratus berbanding penurunan -1.1 peratus pada suku keempat tahun lalu**. Ekonomi Itali menyusut -4.7 peratus pada suku pertama 2020 pada asas perbandingan suku tahun ke suku tahun (*QoQ*). Kerajaan Itali meramalkan negara tersebut akan mencatatkan penguncupan KDNK sepanjang tahun sebanyak -8.0 peratus. (Reuters)

**UK**: **Kerajaan UK mengatakan peruncit bagi barangan bukan keperluan (*non-essential retailers*) akan ditutup sehingga awal bulan Jun** sementara sektor lain dilarang beroperasi sehingga awal bulan Julai tahun ini. Selain itu,

sekolah terutama sekolah rendah turut tidak akan dibenarkan buka sehingga awal Jun. (Reuters)

**BRAZIL**: **Bank pusat Brazil menurunkan penanda aras kadar faedah** lebih daripada yang dijangkakan. Bank pusat Brazil telah **menurunkan 75 mata asas kadar faedah ke paras terendah 3.00 peratus** bagi meningkatkan rangsangan monetari untuk membantu ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Jawatankuasa penetapan kadar faredah (Copom) menyatakan keputusan ini adalah secara sebulat suara walaupun dua dari sembilan ahli mencadangkan pemotongan yang lebih besar. Penurunan ini adalah melebihi dari angka yang dijangkakan oleh 26 penganalisis ekonomi melalui satu tinjauan yang dilakukan Reuters. Tinjauan tersebut meramalkan penurunan kadar sebanyak 50 mata asas. (Reuters)

**BRAZIL**: **Harga pengguna Brazil pada bulan April jatuh paling tinggi dalam hampir 22 tahun berikutan penurunan kos pengangkutan**. Indeks penanda aras inflasi Brazil, Broad Consumer Price Index (IPCA) jatuh -0.31 peratus *MoM*, berbanding anggaran median penganalisis ekonomi -0.24 peratus melalui tinjauan yang dilakukan Bloomberg. Pada asas perbandingan tahun-ke-tahun, harga pengguna meningkat 2.4 peratus. Pada bulan April, kos pengangkutan turun -2.66 peratus didorong oleh penurunan harga bahan bakar termasuk petrol. Sementara itu, kos makanan dan minuman meningkat 1.79 peratus, yang merupakan pemacu inflasi terbesar pada bulan tersebut. (Bloomberg)

**NEW ZEALAND**: **Pengangguran suku pertama New Zealand meningkat, tetapi kejutan dari impak krisis COVID-19 akan dapat dilihat pada suku kedua 2020**. Laporan dari agensi Statistics New Zealand menunjukkan kadar pengangguran New Zealand **meningkat kepada 4.2 peratus pada suku pertama**, menjelang perlaksanaan sekatan pergerakan tahap ketiga dan keempat untuk mengekang penularan COVID-19. Statistik ini meningkat sedikit lebih tinggi berbanding 4.0 peratus yang dilaporkan pada suku keempat 2019. Walau bagaimanapun, kadar ini adalah lebih rendah berbanding ramalan penganalisis ekonomi melalui tinjauan Reuters pada kadar 4.3 peratus. Sementara itu, pekerjaan meningkat 0.7 peratus *QoQ* manakala gaji sektor swasta meningkat 2.5 peratus. **New Zealand menjangkakan ratusan ribu kehilangan pekerjaan dalam beberapa bulan mendatang** kerana kesan ekonomi yang diceuskan oleh krisis COVID-19. Menteri Kewangan New Zealand menyatakan kadar pengangguran dapat dikekang dari melebihi 10 peratus dan turun kepada 5 peratus pada tahun hadapan dengan sokongan tambahan kerajaan. (Reuters)

**AFRIKA**: Bank pusat Madagascar telah **menurunkan ramalan pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2020** untuk negara kepulauan Lautan Hindi **kepada 1.2 peratus dari 5.5 peratus**, dengan alasan kemelesetan global yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Selain itu, Inflasi dijangka pada kadar purata 7.2 peratus tahun ini. Bank mengekalkan kadar pinjaman marginal pada 5.3 peratus dan nisbah simpanan tunai pada 13 peratus. **Madagascar yang merupakan**

**pengeluar vanila terbesar di dunia,** mencatatkan **penurunan** penerimaan **sebanyak 52 peratus dari eksport tanaman pada suku pertama 2020** berbanding tahun sebelumnya. (Bloomberg)

**KOREA SELATAN**: **Perdagangan Korea Selatan bagi tempoh 1 hingga 10 Mei dijangka menjunam akibat penurunan permintaan global**. Eksport dan import Korea Selatan mengalami penurunan mendadak dalam 10 hari pertama Mei akibat penurunan permintaan global yang terkesan dari krisis pandemik COVID-19. Ini menunjukkan prospek suram bagi ekonomi dan negara perdagangan antarabangsa keempat terbesar di Asia. **Eksport menguncup -46.3 peratus *YoY* manakala import turun -37.2 peratus dalam tempoh 10 hari Mei 2020**. Mengikut kategori, **jualan semikonduktor ke luar negara turun -17.8 peratus, sementara jualan peranti komunikasi mudah alih dan produk petrokimia masing-masing menguncup sebanyak -35.9 peratus dan -75.6 peratus**. Dalam tempoh tersebut, penghantaran ke rakan dagangan utama iaitu AS dan Eropah menjunam -54.8 peratus dan -50.6 peratus. Manakala penghantaran kepada rakan dagangan terbesar Korea, China merosot -29.4 peratus. (Reuters)

**VIETNAM**: **IMF menyatakan pertumbuhan ekonomi Vietnam dijangka perlahan hingga 2.7 peratus tahun ini** kerana wabak COVID-19, **sebelum melonjak semula sehingga boleh mencapai 7 peratus pada tahun depan**. Antara faktor yang mendorong kepada kelembapan adalah langkah-langkah ketat diambil oleh negara-negara di Asia Tenggara bagi membendung penularan wabak berkenaan, kemelesetan ekonomi global dan permintaan domestik yang melemah. Secara purata ekonomi bertumbuh pada kadar purata sekitar 7 peratus hingga 8 peratus pada 2018 dan 2019. Antara industri yang teruk terkesan adalah industri pelancongan, pengangkutan dan perhotelan. Menurut IMF lagi, pertumbuhan dijangka pulih setelah langkah-langkah pengekangan dihapuskan dengan dokongan pelonggaran monetari, fiskal dan pemulihan permintaan luaran. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Shell Malaysia** melancarkan inisiatif #**RamadanWithShell** di seluruh negara untuk menyediakan saluran pemasaran bagi membantu PKS dalam bulan Ramadan dengan **menjual juadah yang dimasak oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** tersebut.

2) **MAHB** bersedia dalam melaksanakan norma baru antaranya **menaiktaraf proses automatik** secara besar-besaran, **layan diri** tanpa kontak serta pengenalan teknologi **robotik dan biometrik** di lapangan terbang. Ini bagi memastikan keselamatan penumpang semasa pandemik COVID-19.

3) Hanya **9% daripada lebih 200 tapak pembinaan** yang mula berfungsi **telah melaksanakan standard operasi prosedur (SOP)** kebersihan dan jarak sosial.

4) Sebanyak **2.3 juta permohonan baharu dan rayuan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) telah diluluskan berjumlah RM1.7 bilion**. Jumlah penerima BPN pada masa ini berjumlah 10.6 juta, dengan jumlah pengeluaran terkumpul sebanyak RM11 bilion, iaitu pertambahan peruntukan sebanyak RM1 bilion berbanding peruntukan awal sebanyak RM10 bilion.

5) Berdasarkan **Indeks Sentimen Pengguna (CSI)** yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, sentimen pengguna sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) **menurun kepada 51.1** bagi suku pertama 2020, **terendah sejak tahun 1988**. Pembukaan semula semua sektor ekonomi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) merupakan langkah permulaan untuk aktiviti ekonomi kembali pulih.

6) **Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) telah meluluskan pengeluaran Akaun 2 kepada 3.5 juta pencarum berjumlah RM1.66 bilion** sejak pengeluaran **i-Lestari** yang akan dikreditkan pada 4 hingga 18 Mei 2020. Inisiatif tersebut memperuntukkan sebanyak RM40 bilion yang menyediakan kecairan dalam ekonomi negara secara purata RM3.3 bilion sebulan.

7) **Nilai urus niaga barangan Malaysia menguncup 5.7 peratus** pada pada Mac 2020 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Menurut MIDF, kemerosotan itu disumbangkan **penurunan** dalam semua komponen termasuk **jualan runcit, perdagangan borong dan kenderaan bermotor**.

8) Berikutan dengan kebimbangan berterusan impak COVID-19 terhadap ekonomi global, **pelabur asing menjual bersih RM2.7 bilion ekuiti Malaysia pada April 2020** yang merupakan penjualan asing bersih kedua terbesar di rantau ini.

9) Malaysia akan mengalami **norma baharu** antaranya **pengguna dijangka menangguhkan pembelian barang bukan keperluan atau barang mewah.** Kerajaan berusaha untuk mengembalikan keyakinan pengguna bahawa risiko ekonomi dan kesihatan dapat ditangani dengan baik. Perancangan pelaburan dan penggunaan pada masa hadapan juga bergantung kepada penggunaan swasta yang menyumbang hampir 60 peratus kepada KDNK.

10) **Keseluruhan eksport daging kambing Australia menurun sebanyak 15 peratus kepada 32,718 tan pada bulan April** yang digambarkan oleh Meat and Livestock Australia sebagai jumlah sederhana memandangkan kedatangan musim perayaan Ramadan di seluruh dunia Islam. **Import daging kambing *(lamb)* daripada Malaysia, turun 67 peratus daripada 1,174 tan kepada hanya 385 tan** pada bulan April sementara penghantaran **daging kambing *(mutton)* merosot sebanyak 88 peratus dari 1,676 tan kepada hanya 208 tan**.

11) ***Business Events Council Malaysia*** (BECM) merayu kepada kerajaan untuk menetapkan **tarikh memulakan semula acara perniagaan** seperti pameran dan persidangan yang tidak dibenarkan di **bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat** (PKPB). Acara sedemikian adalah penggerak ekonomi yang menghasilkan cukai dan mewujudkan peluang pekerjaan.

12) **Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia** (MTUC) menggesa Putrajaya menyediakan **penyelesaian kewangan altenatif** bagi mereka yang terjejas dengan **pandemik COVID-19** dan bukan bergantung kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

13) Sejak pelaksanaan PKPB mulai 4 Mei lepas, sehingga hari ini dianggarkan seramai **6.64 juta atau 43.6 peratus pekerja telah kembali bekerja** dan dijangkakan jumlah tersebut meningkat dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

14) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan **mempermudahkan prosedur pinjaman untuk usahawan** yang perlu mematuhi pelbagai SOP untuk memulakan semula perniagaan. MEDAC telah membuka dua saluran bank dan satu koperasi sebagai sumber kewangan iaitu Bank Rakyat, SME Bank Bhd dan Tekun Nasional.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **Shell Malaysia bantu peniaga kecil semasa Ramadan**<br><br>Shell Malaysia melancarkan inisiatif di seluruh negara untuk menyokong pembekal kecil makanan tempatan dengan menyediakan saluran pemasaran bagi membantu mereka dalam bulan Ramadan, khususnya semasa tempoh yang sukar ini.<br><br>Melalui inisiatif #RamadanWithShell, stesen-stesen Shell akan mula menjual juadah yang dimasak oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kata syarikat minyak itu dalam satu kenyataan.<br><br>Dengan ketidaktentuan yang dibawa oleh COVID-19, kami perlu berpegang teguh kepada nilai yang menentukan syarikat sebagai sebuah organisasi dan ini membolehkan kami untuk menyumbang kembali kepada rakyat Malaysia. Inisiatif terbaharu kami ini membolehkan syarikat membantu rakyat Malaysia menjalankan perniagaan mereka. | https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/05/686861/shell-malaysia-bantu-peniaga-kecil-semasa-ramadan |
| 2. | **The EDGE**<br><br>9 Mei 2020 | **Penang business, service premises resume operations**<br><br>The imposition of the Conditional Movement Control Order (CMCO) in Penang began today with many business and service premises resuming operations. | https://www.theedgemarkets.com/article/penang-business-service-premises-resume-operations |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Bernama found many people going into the town areas in the State like Butterworth, Bukit Mertajam and George Town, and queues were seen outside places like Post Offices, banks and car repair workshops.<br><br>"The CMCO will help us recover from the losses we incurred from the one month we did not operate. Thank you to the Government for allowing us to resume trading." said an owner of attire shop. | |
| 3. | **The Star**<br><br>9 Mei 2020 | **Tour bus drivers given a lift**<br><br>The Transport Ministry has launched a portal to ease applications for the Bantuan Prihatin aid for tour bus drivers.<br>Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said in a statement yesterday that the government had taken note of troubles faced by almost 10,000 tour bus drivers, as well as some 1,000 tour companies due to the COVID-19 pandemic. Tour companies with a valid Tour Operating Business and Travel Agency Business licence and vehicles registered under the Land Public Transport Agency are eligible to submit the details of their drivers by May 22. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/09/tour-bus-drivers-given-a-lift |
| 4. | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **Nilai urus niaga di Malaysia susut buat pertama kali pada Mac**<br><br>Nilai urus niaga barangan Malaysia menguncup 5.7 peratus pada pada Mac berbanding | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/687291/nilai-urus-niaga-di-malaysia-susut-buat-pertama-kali-pada-mac |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | tempoh sama tahun sebelum, penguncupan pertama sejak 2013.<br><br>Borong yang menyumbang bahagia terbesar dari jumlah perdagangan susut -2.7 peratus tahun ke tahun, disusuli kejatuhan lebih besar dalam jualan runcit (-6.6 peratus tahun ke tahun) dan kenderaan bermotor (-15.3 peratus tahun ke tahun).<br><br>MIDF Research berkata, penjualan kenderaan bermotor dijangka terus terjejas untuk tempoh lebih lama selepas pengguna mengubah corak perbelanjaan dari kehendak kepada keperluan, selain mengelakkan pembelian barangan mahal. | |
| 5. | **Malay Mail**<br><br>10 Mei 2020 | **Tourism industry players must be ready to adapt to post-COVID-19 travel trends, says LADA chief**<br><br>The tourist crowd in Langkawi will not be as big as it used to be pre-COVID-19 time as there will be lingering fears of the virus, and social distancing will continue for a while and like some reports have indicated, this could very well be the beginning of the end of mass travels to tourist destinations, he said in a recent Zoom interview with Bernama from Langkawi.<br><br>In 2019, Langkawi Island, which is among Malaysia's premier tourist destinations, reported | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/10/tourism-industry-players-must-be-ready-to-adapt-to-post-covid-travel-trends/1864814 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | tourist arrivals totalling 3.92 million. The earnings in this area amount to RM1.7 billion a year, trickling to the bulk of 4,900 businesses in the island that include 9,000 hotel staff, 150 travel and tour agents, as well as 200 tourist guides from the tour sector. The island has a population of 110,000. | |
| 6. | **Malay Mail**<br><br>10 Mei 2020 | **Economists: CMCO a crucial decision to balance economy, health**<br><br>The implementation of the conditional movement control order (CMCO) is a crucial decision to balance the country's economic interest, while not striking out the COVID-19 pandemic development.<br><br>Bank Islam Malaysia Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid said the RM2.4 billion output loss per day referred to the total worth of goods and services produced, which essentially contributes to the country's gross domestic product (GDP).<br><br>Meanwhile, Malaysian Institute of Economic Research (MIER) executive director Professor Emeritus Datuk Zakariah Abdul Rashid said the amount of loss was not only due to the MCO, but also production disruption and thereby loss in value-added creation. This, he said, would reduce the country's GDP and Malaysia would likely face a recession and unemployment. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/10/economists-cmco-a-crucial-decision-to-balance-economy-health/1864760 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **The EDGE**<br><br>11 Mei 2020 | **UMW Toyota subsidiary to resume Toyota vehicle assembly operations**<br><br>UMW Toyota Motor Sdn Bhd's subsidiary Assembly Services Sdn Bhd (ASSB) which is involved in manufacturing Toyota vehicles, has resumed its assembly operations.<br><br>The company said ASSB had suspended all operations from March 18 when the Movement Control Order (MCO) was activated nationwide as a measure to break the transmission of the COVID-19 coronavirus and will re-commence its operations from today.<br><br>UMW Toyota Motor president K Ravindran said with the resumption of operations, the firm hopes to add momentum to the automotive industry and business moving forward. | https://www.theedgemarkets.com/article/umw-toyota-subsidiary-resume-toyota-vehicle-assembly-operations |
| 8. | **BERNAMA**<br><br>11 Mei 2020 | **Pengusaha tanaman nanas jual nanas dalam talian ketika PKP**<br><br>Pengusaha tanaman nanas Mohd Fairuz Mohd As'ari berkata setelah 10 tahun menanam nanas di kebunnya di Jalan Muar-Air Hitam, di sini, inilah kali pertama beliau menjual kebanyakan hasil tanamannya secara dalam talian berbanding menjual kepada pemborong dan pembekal sebelum ini.<br><br>Beliau yang memiliki kira-kira 10 ekar (4.047 hektar) kebun nenas | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1840394 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berkata kebanyakan hasil tanamannya itu akan dijadikan jem oleh pelanggan apabila tiba Hari Raya Aidilfitri bagi menghasilkan beberapa jenis kuih popular seperti tat nenas, tat gulung, bahulu lapis dan bahulu gulung.<br>Katanya, jualan tanamannya hanya terjejas pada awal pelaksanaan PKP, namun kini trend jualan itu hampir kembali normal melainkan untuk pasaran eksport yang masih tertangguh. | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 - Shell Malaysia melancarkan inisiatif #RamadanWithShell di seluruh negara untuk menyediakan saluran pemasaran bagi membantu PKS dalam bulan Ramadan dengan menjual juadah yang dimasak oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tersebut.
2. Artikel 3 - Kementerian Pengangkutan telah melancarkan portal untuk memudahkan pemandu bas pelancong membuat permohonan bantuan Prihatin bagi menangani masalah yang dihadapi oleh hampir 10,000 pemandu bas pelancongan, dan juga kira-kira 1,000 ejen pelancongan terjejas akibat wabak COVID-19.
3. Artikel 4 – Berita Harian melaporkan nilai urus niaga barangan Malaysia menguncup 5.7 peratus pada pada Mac berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Menurut MIDF, kemerosotan itu disumbangkan penurunan dalam semua komponen termasuk jualan runcit, perdagangan borong dan kenderaan bermotor.
4. Artikel 5 – Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), peneraju industri pelancongan di Langkawi perlu bersedia dalam menghadapi beberapa perubahan trend khususnya selepas COVID-19. Beliau turut menyatakan bahawa hampir 70 peratus penduduk di pulau itu bergantung kepada pelancongan untuk pendapatan mereka merangkumi sektor penginapan, pengangkutan, runcit, makanan dan minuman serta perkhidmatan sokongan yang lain.
5. Artikel 7 – Syarikat subsidiari UMW Toyota Motor Sdn Bhd telah memulakan operasi pembuatan kenderaan Toyota setelah menangguhkan semua operasi sejak 18 Mac ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diaktifkan di seluruh negara sebagai langkah untuk menghentikan penularan COVID-19.
6. Artikel 8 – Penjualan tanaman nenas oleh seorang pengusaha dari Johor telah terjejas pada awal pelaksanaan PKP, namun kini trend jualan itu hampir kembali normal selepas memulakan perniagaan secara atas talian bagi memenuhi permintaan pelanggan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Maklumbalas Bahagian:

1. Inisiatif syarikat swasta yang memberi bantuan bagi membantu PKS yang telah terjejas akibat Covid-19 akan membantu meningkatkan pendapatan PKS dan secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi PKS negara. KDNK PKS telah menyumbang 38.3 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2018 dan mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus berbanding 7.1 peratus pada tahun 2017.
2. Bantuan khas daripada Kerajaan untuk pemandu bas pelancong akan dapat membantu kelangsungan perniagaan mereka yang telah terjejas teruk akibat Covid-19. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada prestasi industri pelancongan dimana pada tahun 2018, perkhidmatan pengangkutan penumpang dan perkhidmatan agensi pelancongan dan penempahan lain menyumbang 22.4 peratus ke atas perbelanjaan pelancongan inbound dan 8.7 peratus ke atas perbelanjaan pelancongan domestik.
3. Pelaksanaan PKP bermula Mac yang lalu menyebabkan rakyat perlu kekal di rumah dan operasi perniagaan terpaksa dihentikan telah memberi impak negatif kepada prestasi sektor perkhidmatan terutamanya jualan subsektor perdagangan borong, runcit dan kenderaan bermotor. Subsektor tersebut merupakan penyumbang tertinggi kepada sektor perkhidmatan, iaitu sebanyak 30.2 peratus. Pada ST4 2019, prestasi sektor perkhidmatan bertumbuh 6.1 peratus berbanding 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.
4. Penularan wabak COVID-19 membawa norma cara hidup baharu yang memberi kesan kepada industri pelancongan. Industri pelancongan harus bersiap sedia untuk terus kekal bertahan di dalam persekitaran norma baharu ini. Pada tahun 2018, nilai ditambah kasar industri pelancongan merekodkan RM220.6 bilion dengan bertumbuh pada 10.0 peratus berbanding 10.3 peratus pada tahun 2017.
5. Pembukaan semula operasi pembuatan kenderaan akan memberi momentum kepada industri automotif terutamanya subsektor pembuatan kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan. Pada tahun 2019, nilai ditambah subsektor tersebut menyumbang 1.8 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 6.0 peratus berbanding 6.4 peratus pada tahun sebelumnya.
6. Bagi meneruskan kelangsungan perniagaan yang telah terjejas akibat PKP, norma baharu perniagaan secara atas talian oleh pengusaha tanaman secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada prestasi e-dagang. Pada tahun 2018, prestasi e-dagang bertumbuh pada 7.9 peratus berbanding 11.9 peratus pada tahun sebelumnya.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Malay Mail**<br><br>9 Mei 2020 | **CM: Sabah gives green light to retail, food, public transport sectors to operate from today**<br><br>The Sabah government has decided to allow several other sectors including the retail, food and public transport sectors to operate during the conditional movement control order (CMCO) starting from today.<br><br>The Health Ministry's Standard Operating Procedures (SOPs) and regulations set by the local authorities (PBT) must be followed when implementing the activities. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/09/cm-sabah-gives-green-light-to-retail-food-public-transport-sectors-to-opera/1864639 |
| 2. | **Harian Metro**<br><br>11 Mei 2020 | **'Berkulat' selepas 2 bulan tutup operasi**<br><br>Pengendali Metrojaya Suria Sabah di Kota Kinabalu, mengakui berlaku kerosakan pada sebahagian barangan jualan mereka di Metrojaya Suria Sabah. Semua barangan yang rosak sudah dikeluarkan daripada rak pameran dan digantikan dengan stok baharu. Operasi ditutup selama hampir dua bulan sejak 18 Mac lalu sesuai dengan arahan kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/577294/berkulat-selepas-2-bulan-tutup-operasi |
| 3. | **Harian Metro**<br><br>11 Mei 2020 | **'Bukan nak aniaya penjaja'**<br>Majlis Bandaraya Seremban (MBS) menafikan pihaknya melakukan penganiayaan dan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/577297/bukan-nak-aniaya-penjaja |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menyekat penjaja serta peniaga kecil menjalankan perniagaan selepas bertindak merampas peralatan perniagaan gerai penjaja di sekitar daerah ini.<br><br>Tindakan itu bersifat sementara bagi menghalang penjaja menjalankan perniagaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. | |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 4. | **Free Malaysia Today**<br><br>9 Mei 2020 | **Malaysia Airports to come out of COVID-19 stronger with systems upgrade**<br><br>Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) has completed a major upgrade of its core network which will enable the airport community to leverage on state-of-the-art technologies.<br><br>Taking advantage of the global and domestic travel restrictions, MAHB was able to work around the clock to complete this entire migration in four months, allowing the airport operator to speed up its digital transformation which began before the COVID-19 pandemic. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/05/09/malaysia-airports-to-come-out-of-COVID-19-stronger-with-systems-upgrade/ |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Negeri Sabah memberi keizinan untuk sektor perniagaan runcit, makanan dan pengangkutan awam untuk menjalankan operasi masing-masing dengan mematuhi standard operasi yang telah ditetapkan.
2. MAHB bersedia dalam melaksanakan norma baru antaranya menaiktaraf proses automatik secara besar-besaran, layan diri tanpa kontak serta pengenalan teknologi robotik dan biometrik di lapangan terbang. Ini bagi memastikan keselamatan penumpang semasa pandemik COVID-19.
3. Berlaku kerosakan pada sebahagian barangan jualan di gedung membeli-belah Sabah berikutan penutupan premis perniagaan tersebut sejak PKP dilaksanakan

| | |
|---|---|
| | pada 18 Mac 2020.<br>4. Majlis Bandaraya Seremban (MBS) menetapkan peraturan tertentu terhadap penjaja dan peruncit bagi memulakan perniagaan selepas berakhirnya PKP. |

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi negara selepas melalui fasa sukar. Ini secara tidak langsung akan membantu sektor Perkhidmatan selepas tamatnya tempoh PKP.
2. Pada tahun 2018, sektor Perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 44 peratus kepada KDNK Negeri Sabah. Pelancongan domestik yang dibenarkan beroperasi semula di Sabah akan memberi ruang kepada kegiatan ekonomi seperti perkhidmatan pengangkutan, penginapan, makanan dan minuman dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.
3. Pembukaan beberapa premis perniagaan secara berperingkat akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi negara selepas melalui fasa sukar PKP. Ini secara tidak langsung akan membantu sektor Perkhidmatan khususnya.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **Menteri Perdagangan APEC komited kurangkan impak ekonomi akibat COVID-19**<br><br>Menteri Bertanggungjawab bagi Perdagangan (MRT) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) menggesa ekonomi APEC mempercepatkan tindakan memerangi COVID-19, di samping langkah perlu untuk memulihkan impak kesihatan dan ekonomi akibat pandemik itu.<br><br>Menteri Perdagangan APEC sudah menggariskan kepentingan memastikan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang bebas, adil, tidak berdiskriminasi, telus, dapat diramal dan stabil untuk melindungi ekonomi rantau ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/687080/menteri-perdagangan-apec-komited-kurangkan-impak-ekonomi-akibat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menteri-menteri perdagangan itu juga menggesa ekonomi untuk memastikan rantaian bekalan global dan hubungan perdagangan terus dibuka untuk mengurangkan impak COVID-19 dalam kehidupan rakyat. | |
| 2. | **International Trade Centre**<br><br>9 Mei 2020 | **COVID-19 Temporary Trade Measures**<br><br>Daily update of COVID-19 trade measures:<br><br>Bangladesh has waived VAT of personal protective equipment and surgical face masks. (Effective on 07/05/2020)<br><br>India prohibits exports of alcohol based hand sanitizers. (Effective on 06/05/2020). | https://www.macmap.org/covid19 |
| 3. | **The Star**<br><br>10 Mei 2020 | **Govt: No go-ahead for Ageson to export sand to date**<br><br>There was no record of existing AP holders that export sand had made any joint-venture agreement to supply sand to the company or subsidiary to date.<br><br>Based on existing procedures which are enforced currently, any sand mining operators or mineral traders that want to export sand to foreign countries must firstly apply to Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA) to get an AP. KeTSA issues AP to export sand to foreign countries based on several criteria such as national interest, taking into account the aspects of local | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/10/govt-no-go-ahead-for-ageson-to-export-sand-to-date |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | consumption needs, sovereignty of the nation or importance of trade. | |
| 4. | **Malay Mail**<br><br>11 Mei 2020 | **Weak oil price amid Covid-19 pandemic an invitation for Malaysia to reinvent its economy, say experts**<br><br>According to renowned economist Jomo Kwame Sundaram, the country should move aggressively to embrace renewable energy, singling out photovoltaic solar energy and palm oil-based biodiesel as ways forward.<br><br>According to Jomo and confirmed by official statistics, Malaysia is currently the number one exporter of photovoltaic solar panels to the US, which could be used extensively to spur renewable energy trends locally.<br><br>Additionally, Jomo suggested Malaysia renew its focus on being the leader and pioneer in palm oil research, a role he said the country had once played. | https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2020/05/11/weak-oil-price-amid-covid-19-pandemic-an-invitation-for-malaysia-to-reinven/1864959 |
| 5. | **FMT**<br><br>11 Mei 2020 | **Sabah hopes to cash in on vegetable exports**<br><br>The Sabah authorities are drawing up plans for the state to become a major supplier of vegetables and fruits as a result of the business shutdown since March 18, which had led to 1,800 tons of vegetables being shipped to Sarawak and Brunei.<br><br>Plans are now also being drawn | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/05/11/sabah-hopes-to-cash-in-on-vegetable-exports/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | up to export cabbage and fruits to markets in Kuala Lumpur.<br><br>Sabah state agriculture minister Junz Wong said the overabundance of vegetables and fruits was the result of a sudden drop of regular domestic consumption. | |
| 6. | **Bernama**<br><br>11 Mei 2020 | **Country's export earnings from cocoa, cocoa-based products to decline 18 pct due to MCO**<br><br>“It is expected that export earnings contribution from cocoa and cocoa-based products, as well as cocoa grinding activities, will decline by 18 per cent following the implementation of the Conditional MCO (CMCO)," according to the Ministry of Plantation Industries and Commodities in a statement today. The ministry today undertook a working visit to take a closer look at the cocoa industry, specifically to monitor their level of compliance with the Conditional MCO.<br><br>One of the companies is Guan Chong Cocoa Manufacturer Sdn Bhd at Pasir Gudang, which is the largest cocoa grinder in Malaysia and fourth in the world with a grinding capacity of 250,000 metric tonnes a year. The company is also the leading supplier to chocolate and food and beverage (F&B) companies such as Nestlé, Mars, Hershey’s and Cadbury. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1840507 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Bernama**<br><br>11 Mei 2020 | **Thailand's instant noodle exports soar thanks to COVID-19**<br><br>Thailand's exports of instant noodles soared in the first quarter of this year, especially in Southeast Asia, thanks to the coronavirus disease 2019 (COVID-19) pandemic, Thai News Agency (TNA) reported according to the Department of Trade Negotiations.<br><br>Director-general of the department Auramon Supthaweethum said the pandemic caused people to stay home and thus increasingly demand dried and instant food that could be stored for a long period. | https://www.bernama.com/en/world/news.php?id=1840424 |
| 8. | **Farm Weekly**<br><br>11 Mei 2020 | **Coronavirus fails to put brakes on China's taste for Aussie lamb**<br><br>Australia's lamb imports to China rose marginally in April despite fears about the impact of coronavirus on the trade.<br><br>China imported 7,086 tonnes of lamb during the month, up six per cent on March. However China's mutton imports dipped by 19pc to 4,584t.<br><br>Overall, Australia's global shipments of lamb and mutton both nosedived in April but the slide coincided with a squeezing of supply due mainly to flock rebuilding. | https://www.farmweekly.com.au/story/6752184/china-still-gobbling-up-aussie-lamb-despite-covid-19/?cs=5184 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Sheep meat exports declined by 15pc to 32,718 tonnes in April which Meat and Livestock Australia described as modest volumes considering the arrival of the Ramadan festive season across the Moslem world.<br><br>MLA said China has eased Covid-19 social distancing restrictions in March with businesses including restaurants starting to resume operations.<br><br>Red meat exports typically spike during the annual Ramadan period.<br><br>Lamb exports Malaysia, a large Moslem nation, dropped by 67pc from 1,174t to just 385t in April while mutton shipments slumped by 88pc from 1,676t to 208t. | |

Penemuan penting & isu:

1. Menteri Bertanggungjawab bagi Perdagangan (MRT) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) menggesa ekonomi APEC untuk memastikan rantaian bekalan global dan hubungan perdagangan terus dibuka untuk mengurangkan impak COVID-19 dalam kehidupan rakyat.
2. Kebanyakan negara telah mengenakan sekatan eksport alat perlindungan diri untuk memastikan bekalan domestik mencukupi bagi menghadapi COVID-19. Terkini, India telah melarang eksport cecair pembasmi kuman atau pembersih tangan yang berasaskan alcohol bermula 6 Mei 2020. Bangladesh mengecualikan cukai alat perlindungan diri dan topeng muka bermula 7 Mei 2020.
3. Anak syarikat milik penuh Ageson Bhd, Esa Pile Sdn Bhd dijangka mengeksport 50 juta meter padu pasir sungai setahun dan 100 juta meter padu pasir laut setahun kepada Guangzhou Kaishengda Industrial Co Ltd (GKI) mulai suku ketiga tahun ini bagi tempoh 15 tahun. Namun, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli memaklumkan tidak ada rekod pemegang AP sedia ada yang mengeksport pasir telah membuat perjanjian usahasama untuk membekalkan pasir kepada syarikat atau anak syarikat sehingga kini.
4. Perang harga yang dicetuskan oleh negara pengeluar minyak utama menjelang pandemik Covid-19 menyebabkan harga minyak di pasaran global menjunam bulan lalu. Pakar ekonomi mencadangkan agar Negara mengurangkan

kebergantungan kepada hasil minyak dan mempelbagai sumber ekonomi antaranya memperkasa teknologi ICT, tenaga diperbaharui, pelopor dalam R&D minyak sawit dan juga mengurangkan perbelanjaan kerajaan yang tidak perlu.

5. Penutupan perniagaan akibat daripada pelaksanaan PKP sejak 18 Mac telah menyebabkan penurunan sebanyak 40% penggunaan domestik dan menyebabkan lebihan kepada sayur-sayuran dan buah-buahan di Sabah terutamanya di Kundasang yang membekalkan 30% sayuran di Sabah. Lebihan hasil menyebabkan 1,800 tan sayur dihantar ke Sarawak dan Brunei. Rancangan seterusnya untuk mengeksport kubis dan buah-buahan ke Kuala Lumpur. Kerajaan negeri Sabah merancang untuk menjadi pembekal utama sayur-sayuran dan buah-buahan.
6. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memaklumkan sumbangan aktiviti pengisaran dan pendapatan eksport daripada koko dan produk-produk berasaskan koko dijangka menyusut sebanyak 18 peratus tahun ini berikutan pelaksanaan PKP. Guan Chong Cocoa Manufacturer Sdn Bhd di Pasir Gudang, yang merupakan pengisar koko terbesar di Malaysia dan keempat di dunia dengan kapasiti pengisaran 250,000 metrik tan setahun. Guan Chong Cocoa Manufacturer merupakan pembekal utama kepada syarikat-syarikat coklat dan industri makanan dan minuman seperti Nestlé, Mars, Hershey's dan Cadbury.
7. Permintaan mi segera meningkat ekoran orang ramai yang duduk di rumah dan lebih memilih makanan mudah dimasak serta tahan lama disimpan menyebabkan eksport mi segera Thailand melonjak pada suku pertama tahun ini, terutama di pasaran Asia Tenggara disebabkan wabak COVID-19. Indonesia, Vietnam, Filipina dan Malaysia adalah antara 15 negara teratas dalam penggunaan mi segera.
8. Keseluruhan eksport daging kambing Australia menurun sebanyak 15 peratus kepada 32,718 tan pada bulan April yang digambarkan oleh Meat and Livestock Australia sebagai jumlah sederhana memandangkan kedatangan musim perayaan Ramadan di seluruh dunia Islam. Import daging kambing (lamb) daripada Malaysia, turun 67 peratus daripada 1,174 tan kepada hanya 385 tan pada bulan April sementara penghantaran daging kambing (mutton) merosot sebanyak 88 peratus dari 1,676 tan kepada hanya 208 tan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Aktiviti import dan eksport dikhuatiri akan terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Pada Mac 2020, eksport mencatatkan penurunan 4.7% kepada RM80.1 bilion tahun ke tahun. Berasaskan bulan ke bulan, eksport naik 7.6% daripada RM74.5 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, kejatuhan eksport disebabkan oleh penurunan eksport ke Thailand (-RM2.0 bilion), India (-RM1.4 bilion), Kesatuan Eropah (-RM1.1 bilion) dan Viet Nam (-RM966.2 juta). Walau bagaimanapun, eksport meningkat ke Indonesia (+RM2.6 bilion) dan Singapura (+RM897.0 juta).
2. Import juga mencatatkan penurunan iaitu 2.7% tahun ke tahun kepada RM67.8 bilion. Berasaskan bulan ke bulan, import berkembang 9.6% atau RM5.9 bilion daripada RM61.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import yang lebih rendah

adalah dari Singapura (-RM1.9 bilion), Kesatuan Eropah (-RM 1.5 bilion) dan Thailand (-RM1.2 bilion). Sementara itu, import yang tinggi dari Arab Saudi (+RM1.1 bilion), India (+RM612.0 juta) dan Indonesia (+RM553.5 juta).

3. Import dan eksport bagi cecair pembasmi kuman (HS 380894) pada tahun 2019 masing-masing bernilai RM34.9 juta dan RM84.5 juta. Jumlah import bagi Mac 2020 meningkat 57.7% kepada RM5.2 juta tahun ke tahun. Nilai eksport juga meningkat 290.0% kepada RM19.8 juta tahun ke tahun.
4. Malaysia telah melarang eksport topeng muka (HS 6307904000) yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan bermula 23 Mac 2020 bagi memastikan bekalan domestik mencukupi bagi menghadapi COVID-19. Nilai import topeng muka (HS 6307904000) pada tahun 2019 ialah RM6.9 juta. Antara sumber utama import ialah China (RM2.9 juta, 42.3%) dan Taiwan (RM1.7 juta, 23.8%). Import topeng muka pada bulan Mac 2020 meningkat 31,004.0% kepada RM117.8 juta tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport topeng muka bagi tahun 2019 ialah RM12.0 juta. Tiga destinasi eksport utama ialah Itali (RM2.8 juta, 22.9%), Singapura (RM1.8 juta, 15.1%) dan Rusia (RM1.7 juta, 14.0%). Eksport topeng muka pada bulan Mac 2020 meningkat 716.7% kepada RM9.1 juta.
5. Nilai import pasir (HS 2505) pada tahun 2019 ialah RM77.9 juta. Antara sumber utama import ialah Jepun (RM48.9 juta, 62.7%) dan Taiwan (RM11.9 juta, 15.2%). Pada Mac 2020, import pasir meningkat 57.8% kepada RM7.4 juta tahun ke tahun. Manakala, eksport pasir pada tahun 2019 bernilai RM133.9 juta. Destinasi eksport utama ialah China (RM61.9 juta, 46.2%) dan Singapura (RM24.6 juta, 18.4%). Pada Mac 2020, eksport pasir meningkat 772.5% kepada RM18.8 juta tahun ke tahun.
6. Malaysia merupakan pengeksport utama panel solar dan komponennya ke Amerika Syarikat dengan nilai eksport sebanyak AS$4 bilion pada 2017.
7. Malaysia merupakan negara pemproses biji koko kedua terbesar di Asia dan ketujuh dunia dengan menguasai 22 peratus pasaran produk berasaskan koko bagi rantau Asia dan Oceania. Nilai eksport coklat pada tahun lepas adalah RM1.14 bilion berbanding RM1.03 bilion pada 2018, iaitu peningkatan sebanyak 10.7 peratus.
8. Australia merupakan sumber import utama daging kambing di Malaysia. Malaysia mengimport lebih 70 peratus daging kambing daripada Australia dengan nilai RM504.6 juta pada tahun 2019.
9. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

**D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Malay Mail**<br><br>9 Mei 2020 | **Ismail Sabri: Three premises ordered shut after detection of COVID-19**<br><br>Three premises have been | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/09/ismail-sabri-three-premises-ordered- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | temporarily ordered shut since the conditional movement control order (CMCO) came into force after some workers were found to have contracted COVID-19. | shut-after-detection-of-covid-19/1864638 |
| 2. | **The Rakyat Post**<br><br>9 Mei 2020 | **Most Construction Sites In Malaysia Failed To Follow SOP During CMCO**<br><br>A small majority of construction companies that have resumed operations under the Conditional Movement Control Order (CMCO) are failing to comply with COVID-19 guidelines. | https://www.therakyatpost.com/2020/05/09/most-construction-sites-in-malaysia-failed-to-follow-sop-during-cmco/ |
| 3. | **Sinar Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **Kluster baharu COVID-19 di tapak pembinaan Setia Alam**<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu kluster baharu yang melibatkan pekerja warganegara Bangladesh di sebuah tapak pembinaan di Setia Alam. | https://www.sinarharian.com.my/article/82761/KHAS/Koronavirus/Kluster-baharu-Covid-19-di-tapak-pembinaan-Setia-Alam |
| 4. | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **Tak wajar hulur 'tongkat'**<br><br>Kerajaan membenarkan hampir semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan beroperasi pada 4 Mei lalu. Sehubungan itu, kerajaan mewajibkan ujian saringan COVID-19 ke atas pekerja asing bagi mengelak kemunculan kluster baharu. | https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/576621/tak-wajar-hulur-tongkat |
| 5. | **The Edge Markets**<br><br>10 Mei 2020 | **FMM urges govt to bear COVID-19 screening cost**<br><br>The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) has urged the government to bear COVID-19 screening cost for workers. | https://www.theedgemarkets.com/article/fmm-urges-govt-bear-covid19-screening-cost |
| 6. | **Sinar Harian**<br><br>11 Mei 2020 | **Membuka Semula Ekonomi Dalam Normal Baharu**<br><br>Selepas menempuhi Perintah | https://www.sinarharian.com.my/article/82936/KHAS/Pendapat/Membuka-semula- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kawalan Pergerakan (PKP) selama 47 hari, kebanyakan perniagaan telah diberi kebenaran untuk meneruskan semula operasi pada 4 Mei lalu. Kegiatan ekonomi Malaysia akan mula bergerak semula selepas sejurus lama berkurung untuk membendung penyebaran pandemik COVID-19 dengan berkesannya. Akan tetapi, kita akan menyambung kehidupan dalam keadaan dunia yang berbeza dengan normal yang baharu. | ekonomi-dalam-normal-baharu |

Penemuan penting & isu:

1. Ketiga-tiga premis yang ditutup melibatkan kilang memproses ayam di Negri Sembilan, pasar raya di Selangor dan tapak pembinaan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
2. Datuk Seri Fadillah Yusof mendedahkan bahawa hanya 9% daripada lebih 200 tapak pembinaan yang mula berfungsi setelah sekatan yang melaksanakan standard operasi prosedur (SOP) kebersihan dan jarak sosial.
3. Daripada jumlah keseluruhan yang telah disaring iaitu seramai 28 orang, sebayak 12 kes didapati positif di mana kesemua kes-kes itu adalah merupakan warganegara Bangladesh manakala sembilan kes pula didapati negatif dan tujuh kes masih menunggu keputusan.
4. Persatuan Pemaju Hartanah, Perumahan Malaysia (REHDA) dan Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) memohon kerajaan menanggung kos penuh ujian berkenaan.
5. *COVID-19 is a significant health risk of public concern, the government should bear the cost of screening.*
6. Langkah untuk mempercepatkan dan menambah peruntukan bagi projek dan program pelaburan awam yang utama (contohnya Projek Landasan Keretapi Pantai Timur, Mass Rapid Transit 2 dan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara) mampu memberikan impak positif terhadap permintaan pada peringkat pembinaan dan memanfaatkan pertumbuhan secara jangka panjang.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPIB mengambil maklum berkenaan penutupan semula beberapa premis perniagaan akibat penularan COVID-19.
2. BPPIB mengambil maklum berkenaan majikan yang perlu mewajibkan semua pekerja asing untuk membuat ujian saringan COVID-19 bagi mengelak penularan COVID-19.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3. Bahagian mengambil maklum bahawa untuk pengilang terus beroperasi, SOP yang ditetapkan perlu dipatuhi dan FMM mengusulkan bahawa kos saringan COVID-19 perlu ditanggung oleh kerajaan.<br>4. BPPIB mengambil maklum berkenaan aktiviti ekonomi yang semakin mencabar dalam menghadapi isu COVID-19. | | |
| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **Ringgit dijangka diniagakan berhati-hati minggu depan**<br><br>Ringgit dijangka diniagakan berhati-hati berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) minggu depan. Ini berikutan pelabur akan memantau rapat perkembangan berkaitan COVID-19, ketegangan perdagangan AS-China dan data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bagi suku pertama 2020. Ketua Strategi Pasaran Global AxiCorp, Stephen Innes, berkata tumpuan turut diberikan kepada jualan runcit dan pengeluaran industri China yang akan dikeluarkan pada Jumaat minggu depan yang dijangka kukuh memandangkan situasi yang telah pulih di negara itu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/686883/ringgit-dijangka-diniagakan-berhati-hati-minggu-depan |
| 2. | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **Penjualan pelabur asing kedua tertinggi rantau ini - Maybank IB**<br><br>Pada April 2020, Maybank IB Research berkata, pelabur asing menjual bersih RM2.7 bilion ekuiti Malaysia, yang mana ia juga adalah penjualan asing bersih kedua terbesar di rantau ini, berikutan kebimbangan berterusan impak COVID-19 terhadap ekonomi global. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/687242/penjualan-pelabur-asing-kedua-tertinggi-rantau-ini-maybank-ib |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pegangan asing dalam ekuiti Malaysia juga berkurangan sedikit daripada 22.3 peratus setakat akhir Mac 2020. Ia juga mengunjurkan keuntungan teras indeks penanda aras Bursa Malaysia, Indeks FBM KLCI akan jatuh 8.4 peratus pada 2020 berbanding kenaikan 0.5 peratus sebelum ini, tetapi meningkat semula sebanyak 10.8 peratus pada 2021. KLCI kini diunjurkan mencatatkan penguncupan pendapatan tiga tahun berturut-turut. Sasaran KLCI disemak semula lebih rendah kepada 1,380 mata berbanding sebelum ini, 1,490 mata. | |
| 3. | **The Edge Market**<br><br>11 Mei 2020 | **Axiata secures RM3.5 bil Islamic sustainability-linked syndicated financing**<br><br>Axiata Group Bhd has completed the first-of-its-kind syndicated multi-currency shariah-compliant sustainability-linked financing facilities of US$800 million (about RM3.5 billion) (syndicated financing). It is the first sustainability-linked Islamic syndicated financing effort undertaken in Malaysia and globally. The innovative financing mechanism offered through a shariah-compliant sustainability financing structure serves to enhance Axiata's liquidity position, particularly during these uncertain times while enabling the company to reap the benefits of optimal financing cost. As such, Axiata will benefit from lower financing costs should it continue to exceed the stringent | https://www.theedgemarkets.com/article/axiata-secures-rm35-bil-islamic-sustainabilitylinked-syndicated-financing |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | criteria the company has set for itself under the said framework. The completion of the syndicated financing further demonstrates the strong support and confidence of the banking fraternity towards Axiata's long-term business sustainability and direction, backed by its well-established regional presence in 11 markets throughout ASEAN and South Asia. | |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Ringgit dijangka diniagakan berhati-hati berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) minggu depan berikutan pemantauan rapat perkembangan berkaitan COVID-19 oleh pelabur, ketegangan perdagangan AS-China dan pengumuman data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bagi suku pertama 2020.
2. Akhbar 2: Berikutan dengan kebimbangan berterusan impak COVID-19 terhadap ekonomi global, pelabur asing menjual bersih RM2.7 bilion ekuiti Malaysia pada April 2020 yang merupakan penjualan asing bersih kedua terbesar di rantau ini. Keuntungan dan pendapatan Indeks FBM KLCI masing-masing diunjurkan mencatatkan kejatuhan.
3. Akhbar 3: Axiata Group Bhd memperolehi kemudahan pembiayaan bersindiket matawang pelbagai yang patuh syariah sebanyak US$800 juta (RM3.5 bilion). Ia merupakan usaha yang pertama dilakukan di Malaysia dan di dunia. Perkara ini dilihat akan membantu meningkatkan kedudukan kecairan Axiata terutamanya pada saat mencabar ketika ini serta membolehkan syarikat mendapat manfaat kos pembiayaan yang optimum.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Prestasi Ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat akan mempengaruhi penyusunan statistik Imbangan Pembayaran. Imbangan akaun semasa Malaysia merekodkan RM49.7 bilion pada tahun 2019.
2. Akhbar 2: Penjualan ekuiti di Malaysia oleh pelabur asing bakal mempengaruhi penyusunan statistik Imbangan Pembayaran dan Akaun Kewangan. Pada tahun 2019, aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatatkan dalam Akaun Kewangan.
3. Akhbar 3: Kemudahan pembiayaan bersindiket matawang pelbagai patuh syariah sebanyak US$800 juta (RM3.5 bilion) yang dilakukan oleh Axiata Group Bhd bakal mempengaruhi penyusunan statistik Imbangan Pembayaran dan Akaun Kewangan. Pada tahun 2019, aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatatkan dalam Akaun Kewangan.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br><br>9 Mei 2020 | **Treasury approves 2.3 mil new application for BPN, total payout RM1.7 bln**<br><br>A total of 2.3 million new applications and appeals for Bantuan Prihatin Nasional (BPN) have been approved, with a cumulative total payout of RM1.7 billion.<br><br>With the approval of these new applications and appeals, the total number of BPN recipients currently stands at 10.6 million, with a cumulative total disbursement of RM11 billion (an increase of RM1 billion on top of the initial allocation of RM10 billion. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1839970 |
| 2. | **The Edge**<br><br>9 Mei 2020 | **Bringing confidence back to the economy**<br><br>It has been close to a week since all economic sectors were allowed to open under the Conditional Movement Control Order, giving the economy a slight jumpstart after almost two months of benign activity.<br><br>However, confidence in the economy has not returned, and understandably so, given the fact that the coronavirus still lurks in Malaysia, though the number of cases has drastically been reduced since the start of the MCO. | https://www.theedgemarkets.com/article/bringing-confidence-back-economy |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Consumer sentiment has been weak since the start of the MCO, judging by the Malaysian Institute of Economic Research's Consumer Sentiments Index (CSI) which plunged to 51.1 in the first quarter of 2020 — its lowest level since 1988. | |
| 3. | **Bernama**<br><br>9 Mei 2020 | **KWSP luluskan pengeluaran i-Lestari kepada 3.5 juta pencarum**<br><br>Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) telah meluluskan pengeluaran Akaun 2 kepada 3.5 juta pencarum berjumlah RM1.66 bilion sejak pengeluaran i-Lestari dilancarkan April lepas, menurut Timbalan Menteri Kewangan I.<br><br>Amaun yang dipohon bagi pengeluaran i-Lestari dikreditkan ke akaun masing-masing secara pindahan dana elektronik bermula dari 4 hingga 18 Mei.<br><br>Inisiatif i-Lestari KWSP yang melibatkan peruntukan sebanyak RM40 bilion akan menyediakan kecairan dalam ekonomi negara secara purata RM3.3 bilion sebulan. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1839949 |
| 4. | **Malaysiakini**<br><br>9 Mei 2020 | **Sektor ekonomi lain perlu diberi peluang buka semula**<br><br>Sektor-sektor ekonomi yang tidak tersenarai untuk beroperasi di bawah perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) perlu diberi peluang untuk dibuka semula termasuk | https://www.malaysiakini.com/news/524804 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | perkhidmatan gunting rambut, menurut pakar ekonomi.<br><br>Pembukaan semula bagi sektor ekonomi yang lain perlu dijalankan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. | |
| 5. | **Bernama**<br><br>10 Mei 2020 | **Consumers may postpone purchasing non-essential big ticket items: IDEAS**<br><br>Malaysia may be looking at a "new normal" trend moving forward, whereby consumers put off or postpone purchasing big ticket items or goods and services that they do not consider as essentials.<br><br>The recovery of our economy is also dependent on the recovery of the global economy. The developed countries are lagging behind in terms of recovery from the pandemic. The government needs to inspire public trust and confidence that they can address both health and economic risks.<br><br>Private consumption made up nearly 60 per cent of the gross domestic product (GDP) and businesses depended on this outlook to be able to plan for future investment and consumption. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1840120 |
| 6. | **The Sun Daily**<br><br>10 Mei 2020 | **Rejected BPN applicants can appeal for reconsideration by submitting documents**<br><br>Rejected Bantuan Prihatin | https://www.thesundaily.my/local/rejected-bpn-applicants-can-appeal-for-reconsideration-by- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Nasional (BPN) applicants can appeal for reconsideration by submitting supporting documents to prove they are unemployed or facing a reduction in income, according to the Inland Revenue Board Malaysia (IRBM).<br><br>One of the main reasons behind the rejection was the applicant's income had exceeded BPN's requirements.<br><br>There were 240,465 applications received from full-time students despite they are not eligible for BPN because they are qualified for the RM200 one-off university student aid. | submitting-documents-LI2390962 |
| 7. | **Bernama**<br><br>11 Mei 2020 | **PKPB: Bas ekspres di Sabah beroperasi mulai esok**<br><br>Bas ekspres di Sabah akan beroperasi semula mulai esok sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan penumpang perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi membendung penularan COVID-19.<br><br>Lebih 20 pengusaha bas ekspres dengan lebih 200 bas bersedia bagi memastikan SOP ditetapkan dipatuhi. Hanya separuh daripada kapasiti tempat duduk dibenarkan sebagai langkah penjarakan sosial. Pengusaha bas juga wajib melakukan disinfeksi bas masing-masing | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1840426 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Antara SOP ditetapkan termasuk mewajibkan semua penumpang mengisi borang deklarasi COVID-19, memakai penutup hidung dan mulut, mengamalkan penjarakan sosial dan memeriksa suhu badan sebelum menaiki bas. | |
| 8. | **The Star**<br><br>11 Mei 2020 | **COVID-19: Pandemic gives fresh momentum to digital voice technology**<br><br>Voice-activated systems such as Google Assistant, Amazon Alexa and Apple's Siri have seen strong growth in recent years, and the virus pandemic could accelerate that.<br><br>Voice assistants are not only answering queries and shopping, but also being used for smart home control and for a range of business and medical applications which could see increased interest as people seek to limit personal contact.<br><br>ABI estimates that voice control device shipments for smart home devices hit 141 million last year, and in 2020 will grow globally by close to 30%.<br><br>For the broader market of voice assistants, Juniper Research estimates 4.2 billion devices in use this year, growing to 8.4 billion by 2024, with much of the interactions on smartphones. | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/05/11/covid-19-pandemic-gives-fresh-momentum-to-digital-voice-technology |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Berita Harian**<br><br>11 Mei 2020 | **LTAT fokus pelaburan jangka panjang**<br><br>Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan terus menumpukan pelaburan jangka panjang bagi memastikan ia dapat menjana pulangan stabil kepada pencarumnya.<br><br>Pasaran ekuiti global menyusut dan ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan negatif susulan pandemik COVID-19, pengurus dana persaraan angkatan tentera itu akan melaksanakan inisiatif strategik bagi memastikan pulangan jangka panjang kekal kompetitif dan konsisten.<br><br>LTAT adalah pengendali dana persaraan yang mempunyai objektif pelaburan jangka panjang kerana dana yang digembleng LTAT daripada simpanan persaraan perajurit negara yang datangnya daripada caruman gaji pencarum sendiri. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/687566/covid-19-ltat-fokus-pelaburan-jangka-panjang |
| 10 | **Sinar Harian**<br><br>11 Mei 2020 | **Industri media perlu suntikan dana kerajaan**<br><br>Industri media di Malaysia amat memerlukan suntikan dana daripada kerajaan susulan ia mengalami kemerosotan perniagaan drastik untuk tempoh lama sebelum tercetus pandemik koronavirus (Covid-19).<br><br>Ekoran ledakan dalam kemajuan teknologi maklumat dan pencetakan digital, industri | https://www.sinarharian.com.my/article/82955/BERITA/Nasional/Industri-media-perlu-suntikan-dana-kerajaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | media dalam beberapa tahun kebelakangan ini menghadapi kemerosotan drastik bukan sahaja dalam negara atau rantau Asia Tenggara malah di peringkat global.<br><br>Walaupun terdapat pelbagai platform untuk orang ramai mengakses berita dan maklumat di media sosial, media arus perdana adalah lebih berkredibiliti dalam menyampaikan berita sahih. | |

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 2.3 juta permohonan baharu dan rayuan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) telah diluluskan berjumlah RM1.7 bilion. Jumlah penerima BPN pada masa ini berjumlah 10.6 juta, dengan jumlah pengeluaran terkumpul sebanyak RM11 bilion, iaitu pertambahan peruntukan sebanyak RM1 bilion berbanding peruntukan awal sebanyak RM10 bilion.
2. Berdasarkan Indeks Sentimen Pengguna (CSI) yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, sentimen pengguna sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menurun kepada 51.1 bagi suku pertama 2020, terendah sejak tahun 1988. Pembukaan semula semua sektor ekonomi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) merupakan langkah permulaan untuk aktiviti ekonomi kembali pulih.
3. Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) telah meluluskan pengeluaran Akaun 2 kepada 3.5 juta pencarum berjumlah RM1.66 bilion sejak pengeluaran i-Lestari yang akan dikreditkan pada 4 hingga 18 Mei 2020. Inisiatif tersebut memperuntukkan sebanyak RM40 bilion yang menyediakan kecairan dalam ekonomi negara secara purata RM3.3 bilion sebulan.
4. Sektor ekonomi lain yang tidak tersenarai untuk beroperasi di bawah perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) perlu diberi peluang untuk dibuka semula termasuk perkhidmatan gunting rambut. Pembukaan semula sektor ekonomi tersebut mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat bagi membendung penularan COVID-19.
5. Malaysia akan mengalami norma baharu antaranya pengguna dijangka menangguhkan pembelian barang bukan keperluan atau barang mewah. Kerajaan berusaha untuk mengembalikan keyakinan pengguna bahawa risiko ekonomi dan kesihatan dapat ditangani dengan baik. Perancangan pelaburan dan penggunaan pada masa hadapan juga bergantung kepada penggunaan swasta kerana ianya merupakan 60 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

6. Bas ekspres di Sabah akan beroperasi semula mulai esok sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan penumpang perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi membendung penularan COVID-19. Lebih 20 pengusaha bas ekspres dengan lebih 200 bas bersedia bagi memastikan SOP ditetapkan dipatuhi. Hanya separuh daripada kapasiti tempat duduk dibenarkan sebagai langkah penjarakan sosial. Pengusaha bas juga wajib melakukan disinfeksi bas masing-masing.
7. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan fokus pelaburan jangka panjang bagi menjana pulangan stabil kepada pencarumnya. Ini di sebabkan oleh pasaran ekuiti global yang menyusut dan ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan negatif susulan pandemik COVID-19. Di samping itu, LTAT akan melaksanakan inisiatif strategik bagi memastikan pulangan jangka panjang kekal kompetitif dan konsisten.
8. Industri media di Malaysia amat memerlukan suntikan dana daripada kerajaan susulan mengalami kemerosotan perniagaan drastik untuk tempoh lama sebelum pandemik Covid-19. Ledakan kemajuan teknologi maklumat dan pencetakan digital menyebabkan industri media beberapa tahun kebelakangan ini menghadapi kemerosotan drastik bukan sahaja dalam negara atau rantau Asia Tenggara malah di peringkat global.

Maklumbalas Bahagian:

1. Keyakinan pengguna yang diukur melalui Consumer Sentiment Index (CSI) menurun kepada 51.1 bagi suku pertama 2020, kesan daripada penularan wabak COVID-19. Keputusan Kerajaan terhadap pelaksanaan PKPB adalah antaranya untuk memulihkan kembali aktiviti ekonomi Malaysia di samping mengembalikan keyakinan pengguna serta peniaga. Peruntukan sebanyak RM11 bilion Bantuan Prihatin Nasional dijangka merancakkan kembali permintaan pengguna seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi.
2. Bantuan yang disalurkan melalui i-Lestari sebanyak RM 40 bilion dijangka membantu pencarum mendapatkan pendapatan boleh guna serta mewujudkan kecairan pasaran yang diperlukan dalam ekonomi. Secara tidak langsung dapat menggiatkan aktiviti ekonomi dan memberi impak positif kepada prestasi ekonomi negara.
3. Antara norma baharu pasca COVID-19 adalah perubahan corak perbelanjaan pengguna yang dijangka menurun terhadap barang bukan keperluan atau barang mewah yang secara tidak langsung memberi kesan kepada penggunaan swasta di Malaysia.
4. Operasi bas ekspres di Sabah kembali beroperasi sepanjang tempoh PKPB fasa kelima. Pelaksanaan PKPB disambut baik untuk menjana ekonomi serta memastikan kelangsungan kehidupan rakyat yang terjejas akibat wabak COVID-19. Setiap perniagaan yang mula beroperasi disarankan untuk mematuhi SOP dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
5. Penurunan pendapatan bagi industri media telah menjejaskan sektor

| | |
|---|---|
| | maklumat dan komunikasi bagi sektor perkhidmatan. Kemajuan dalam arus teknologi menyebabkan industri tersebut memerlukan bantuan dan insentif kerajaan untuk terus beroperasi. Pada tahun 2019, nilai ditambah sektor maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 5.7 peratus kepada KDNK berbanding 5.6 peratus pada tahun sebelumnya. |
| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** |

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bernama**<br><br>9 Mei 2020 | **Barangan keperluan Aidilfitri mencukupi – KPDNHEP**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan tidak berlaku pembelian panik dan barang keperluan mencukupi bagi persiapan Aidilfitri tidak lama lagi. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1840113 |
| 2. | **Sinar Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **Sarawak benarkan sektor ekonomi kembali beroperasi 12 Mei**<br><br>Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak memutuskan untuk membenarkan semua sektor ekonomi dibuka dan dibenarkan beroperasi bermula 12 Mei di seluruh Sarawak. | https://www.sinarharian.com.my/article/82748/EDISI/Sabah-Sarawak/Sarawak-benarkan-sektor-ekonomi-kembali-beroperasi-12-Mei |
| 3. | **Sinar Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **Kompleks Pekan Rabu beroperasi hari ini**<br><br>Ikon pelancongan dan sejarah Kedah, Kompleks Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim di sini dibuka semula bermula hari ini selepas ditutup hampir dua bulan sejak perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lepas. | https://www.sinarharian.com.my/article/82742/EDISI/Utara/Kompleks-Pekan-Rabu-beroperasi-hari-ini |

<table>
<tr><td>4.</td><td>Sinar Harian<br><br>10 Mei 2020</td><td>Sabah benarkan sektor pelancongan beroperasi hari ini<br><br>Kerajaan Sabah membenarkan beberapa lagi sektor beroperasi secara berperingkat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) fasa lima bermula hari ini.</td><td>https://www.sinarharian.com.my/article/82919/EDISI/Sabah-Sarawak/Sabah-benarkan-sektor-pelancongan-beroperasi-hari-ini</td></tr>
<tr><td colspan="4">Penemuan penting & isu:<br>1. Pemantauan sentiasa dilakukan dan bagi memastikan semua barang keperluan yang dijual di pasar raya dan kedai di kawasan kampung mencukupi serta harganya yang stabil. Barangan yang dipantau adalah termasuk tepung gandum, telur ayam dan minyak.<br>2. Garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) pengoperasian sektor ekonomi di Sarawak telah disediakan dan sedang dimaklumkan kepada semua pihak terlibat yang melibatkan aktiviti-aktivi dibenarkan dan dilarang.<br>3. Antara premis yang kembali beroperasi di Pekan Rabu adalah premis jualan pakaian dan makanan tradisional.<br>4. Sektor yang dibenarkan beroperasi adalah termasuk pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar serta rangkaiannya meliputi pelancongan domestik (dalam negeri sahaja) dan semua operasi perhotelan dibenarkan kecuali penggunaan fasiliti hotel seperti surau, bilik mesyuarat, dewan seminar, bilik latihan dan bufet. Selain itu, aktiviti meliputi kunjungan riadah, kajian, penyelidikan dan pemantauan alam sekitar termasuk perkhidmatan yang ditawarkan di Taman-Taman Sabah dan santuari, penuaian sarang burung, pengeluaran permit dan lesen hidupan liar juga dibenarkan. Aktiviti lain ialah sektor sukan dan rekreasi termasuk rangkaiannya seperti latihan sukan secara individu, sukan elit dan sukan berprestasi tinggi, aktiviti sukan massa dan rekreasi yang melibatkan orang awam tidak melebihi 10 orang dalam satu kumpulan pada satu-satu masa dan rangkaian kemudahan sukan dan rekreasi seperti boling padang, lapang sasar golf dan lapang sasar menembak.</td></tr>
<tr><td colspan="4">Maklumbalas Bahagian:<br>1. Harga barang makanan di akan dipantau pada IHP Mei 2020 bagi melihat kesan perayaan terhadap harga barang makanan.<br>2. Bahagian ambil maklum berkenaan kebenaran beroperasi semuka premis perniagaan ini. Secara tidak langsung, ianya dapat membantu bahagian untuk mendapatkan harga secara terus daripada premis perniagaan bagi kutipan harga untuk rujukan Mei 2020.<br>3. Bahagian ambil maklum berkenaan sektor yang beroperasi semula. Secara tidak langsung, ianya dapat membantu bahagian untuk mendapatkan harga secara terus daripada premis perniagaan bagi kutipan harga untuk rujukan Mei 2020.</td></tr>
</table>

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br><br>9 Mei 2020 | **COVID-19: Rembau kembali zon merah**<br><br>Daerah Rembau di Negeri Sembilan kembali diletakkan dalam zon merah COVID-19 selepas menyaksikan peningkatan kes mendadak, semalam. Peningkatan itu berikutan satu kluster baharu yang membabitkan pekerja sebuah kilang di Pedas. | https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/576365/covid-19-rembau-kembali-zon-merah |
| 2. | **Harian Metro**<br><br>9 Mei 2020 | **Tabung Kiriman Ikhlas bantu golongan memerlukan**<br><br>Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd bekerjasama dengan Mondelez International dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Food Aid Foundation (FAF) memberikan bantuan dalam bentuk Tabung Kiriman Ikhlas pada Ramadan dan Aidilfitri. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575824/tabung-kiriman-ikhlas-bantu-golongan-memerlukan |
| 3. | **Berita Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **52 peratus pelajar Sabah tiada akses internet**<br><br>Sebanyak 52 peratus pelajar di Sabah tidak mempunyai akses internet dan telefon pintar, komputer atau peranti mudah alih lain untuk memastikan sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam talian berjalan lancar sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang memasuki fasa keempat sejak dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686499/52-peratus-pelajar-sabah-tiada-akses-internet |
| 4. | **Harian Metro**<br><br>9 Mei 2020 | **Lagi RM1.7 bilion bayaran BPN diluluskan**<br><br>Sebanyak 2.3 juta permohonan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576352/lagi-rm17-bilion-bayaran- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | baharu dan rayuan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) diluluskan, melibatkan jumlah sebanyak RM1.7 bilion, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. Kelulusan itu dibuat selepas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) selesai membuat semakan ke atas permohonan baharu dan rayuan ini. | bpn-diluluskan |
| 5. | **Harian Metro**<br><br>9 Mei 2020 | **Pekerja asing terima sumbangan PEKA**<br><br>Saat kehabisan makanan tidak dapat dilupakan bagi 100 warga asing apabila mendapat perhatian Pertubuhan Kebajikan Asnaf (PEKA) Gua Musang, yang menghulur sumbangan hari ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576336/pekerja-asing-terima-sumbangan-peka |
| 6. | **Astro Awani**<br><br>10 Mei 2020 | **Kerajaan lanjutkan PKPB sehingga 9 Jun, pastikan usaha perangi COVID-19 lebih berkesan**<br><br>Kerajaan mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pegerakan Bersyarat (PKPB), selama empat minggu lagi, iaitu sehingga 9 Jun, 2020. | https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-lanjutkan-pkpb-sehingga-9-jun-pastikan-usaha-perangi-covid19-lebih-berkesan-242365 |
| 7. | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **COVID-19: Tempoh rayuan mohon BPN dilanjut**<br><br>Kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh rayuan permohonan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) sehingga 31 Mei depan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687320/covid-19-tempoh-rayuan-mohon-bpn-dilanjut |
| 8. | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **COVID-19 korbankan 277,127 orang seluruh dunia**<br><br>Sejumlah 4,001,437 kes Covid- | https://www.hmetro.com.my/global/2020/05/576654/covid-19-korbankan-277127- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 19 dicatatkan di seluruh dunia ketika ini, menurut pengiraan AFP berdasarkan sumber rasmi. Setakat semalam, wabak itu juga mengorbankan 277,127 orang sejak ia mula dikesan di China pada penghujung tahun lalu. Amerika Syarikat teruk dilanda pandemik itu dengan 78,320 kematian, diikuti Britain 31,587 kematian, Itali (30,395), Spain (26,478) dan Perancis 26,310 kematian. | orang-seluruh-dunia |
| 9. | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **PPj beri pengecualian bayaran sewa**<br><br>BAGI meringankan beban kewangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Perbadanan Putrajaya (PPj) memberi pengecualian sewa selama enam bulankepada premis milik Kerajaan Persekutuan di pusat pentadbiran kerajaan ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576667/ppj-beri-pengecualian-bayaran-sewa |
| 10 | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **Ramai rentas negeri pada waktu malam**<br><br>PEMANTAUAN udara oleh Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap pergerakan rentas negeri yang dibenarkan sejak 7 Mei lalu, mendapati orang ramai lebih memilih melakukan perjalanan pada waktu malam berbanding siang. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576671/ramai-rentas-negeri-pada-waktu-malam |
| 11 | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **Jika SOP teratur, masjid sedia untuk dibuka**<br><br>JABATAN Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memperhalusi prosedur operasi standard (SOP) bagi membolehkan solat | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576762/jika-sop-teratur-masjid-sedia-untuk-dibuka |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berjemaah di masjid sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).<br>Dengan pelaksanaan SOP yang teratur, saya percaya masjid sudah bersedia untuk dibuka kepada ahli kariah dan beri sedikit masa kepada pihak berkuasa agama Islam untuk memperhalusi SOP berkaitan. | |
| 12 | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **COVID-19: PGU pantau Selat Melaka elak kemasukan PATI**<br><br>Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan penerbangan enam kali sehari bagi memantau persisiran perairan negara terutamanya di Selat Melaka bagi mengekang kemasukan pendatang tanpa izin (PATI) ke negara ini susulan penularan wabak COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/05/687147/covid-19-pgu-pantau-selat-melaka-elak-kemasukan-pati |
| 13 | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **COVID-19: PKPD kelapan di sekitar Pasar Jalan Othman PJ**<br><br>Kawasan sekitar Pasar Jalan Othman di Petaling Jaya kini diletakkan bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula hari ini hingga 23 Mei depan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687157/covid-19-pkpd-kelapan-di-sekitar-pasar-jalan-othman-pj |
| 14 | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **COVID-19: Balik beraya di kampung tak dibenarkan**<br><br>Perjalanan balik kampung merentas sempadan negeri untuk tujuan berhari raya tidak dibenarkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa hingga 9 Jun ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687302/covid-19-balik-beraya-di-kampung-tak-dibenarkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15 | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **Ziarah dibenarkan dalam negeri sama ketika perayaan**<br><br>Kerajaan membenarkan aktiviti ziarah terhadap jiran terdekat dan keluarga dalam negeri yang sama, dengan had maksimum 20 orang pada satu-satu masa.<br>kelonggaran itu diberikan kepada rakyat yang menyambut tiga perayaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa hingga 9 Jun ini, iaitu Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687295/ziarah-dibenarkan-dalam-negeri-sama-ketika-perayaan |
| 16 | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **6.64 juta pekerja sudah kembali bertugas**<br><br>Hingga kini seramai 6.64 juta atau 43.6 peratus pekerja sudah kembali bertugas, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687325/664-juta-pekerja-sudah-kembali-bertugas |
| 17 | **Berita Harian**<br><br>10 Mei 2020 | **COVID-19: Usah berkunjung ke 4 zon merah – PM**<br><br>Orang ramai dinasihatkan tidak berkunjung ke empat kawasan yang masih berstatus merah bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat.<br>Empat kawasan merah yang dimaksudkan ialah mukim Batu, Gombak, Selangor; zon Batu, mukim Batu, Kuala Lumpur; zon Kampung Baru, mukim Bandar, di sini dan mukim Pedas, daerah Rembau, Negeri Sembilan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687329/covid-19-usah-berkunjung-ke-4-zon-merah-pm |
| 18 | **Harian Metro**<br><br>11 Mei 2020 | **Ratusan penduduk sekitar PJO sudah disaring**<br><br>Ratusan penduduk di sekitar | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/577110/ratusan-penduduk-sekitar- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pasar Jalan Othman (PJO), Petaling Jaya selesai menjalani ujian saringan Covid-19 yang bermula 9 pagi, hari ini. | pjo-sudah-disaring |
| 19 | **Harian Metro**<br><br>11 Mei 2020 | **Pendapatan pemandu bas ekspres terjejas**<br><br>Pengusaha bas ekspres di seluruh negara terjejas teruk berikutan pandemik Covid-19 disusuli langkah pencegahan virus itu dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-mampu-bayar-sewa-rumah-11-sekeluarga-sudahnya-tinggal-di-pondok-242522 |
| 20 | **Sinar Harian** | **Kaedah khas kenal pasti identiti warga asing jalani ujian swab**<br><br>Kerajaan akan berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia berhubung keperluan untuk mewujudkan satu identiti khas bagi membezakan warga asing yang sudah menjalani saringan kesihatan ujian swab koronavirus (COVID-19). | https://www.sinarharian.com.my/article/83029/KHAS/Koronavirus/Kaedah-khas-kenal-pasti-identiti-warga-asing-jalani-ujian-swab |

Penemuan penting & isu:

1. Rembau pernah diisytihar sebagai lokasi zon merah pertama bebas daripada wabak itu selepas berjaya mencatatkan sifar kes aktif, 20 April lalu. Bagaimanapun, menurut Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), daerah berkenaan mencatatkan 59 kes positif COVID-19, setakat 12 tengah hari semalam.
2. RM1 akan disalurkan ke Tabung Kiriman Ikhlas bagi setiap pembelian RM30 mana-mana produk Tesco Own Brand dan RM30 produk jenama Mondelez terpilih di semua cawangan Tesco di seluruh negara, Tesco Online Lazada dan Shopee. Dana dikumpulkan akan ditukarkan kepada makanan termasuk beras, minyak masak, tuna, keropok krim, bijirin, susu, madu dan campuran minuman segera untuk diedarkan kepada penerima bantuan FAF di seluruh Semenanjung sepanjang April hingga Julai ini.
3. Ketiadaan kemudahan akses internet terutama dalam kalangan pelajar di luar bandar dan pedalaman negeri Sabah menjadikan pelaksanaan sesi PdPc dalam talian begitu mencabar buat guru-guru yang kira-kira 98 peratus guru Sabah bersedia melaksanakan PdPc.
4. Dengan kelulusan permohonan baharu dan rayuan, jumlah penerima BPN

setakat ini adalah sebanyak 10.6 juta, merangkumi jumlah bayaran bernilai RM11 bilion (iaitu tambahan RM1 bilion berbanding peruntukan asal RM10 bilion).

5. Pekerja asing itu menerima sumbangan kerana tidak boleh bekerja berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP) itu membabitkan buruh kilang papan dan penoreh getah.
6. Jumlah Kes COVID-19 di seluruh dunia telah mencecah angka 4 juta kes. Setakat semalam, wabak itu juga mengorbankan 277,127 orang sejak ia mula dikesan di China pada penghujung tahun lalu. Amerika Syarikat teruk dilanda pandemik itu dengan 78,320 kematian, diikuti Britain 31,587 kematian, Itali (30,395), Spain (26,478) dan Perancis 26,310 kematian.
7. Kerajaan mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pegerakan Bersyarat (PKPB), selama empat minggu lagi, iaitu sehingga 9 Jun, 2020. PM juga mengucapkan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah yang sentiasa berdisiplin mematuhi arahan PKP dan PKPB sehingga memudahkan para petugas barisan hadapan menangani krisis ini.
8. Rakyat Malaysia yang layak untuk memohon BPN kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh rayuan permohonan BPN sehingga 31 mei 2020. Muhyiddin memaklumkan, selain menghantar e-mel, pemohon yang ingin membuat rayuan boleh hadir sendiri ke kaunter Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bermula esok atau Selasa bagi negeri yang bercuti pada Isnin. Jumlah penerima BPN setakat ini ialah 10.6 juta orang yang membabitkan bayaran berjumlah RM11 bilion.
9. Bagi meringankan beban kewangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Perbadanan Putrajaya (PPj) memberi pengecualian sewa selama enam bulan kepada premis milik Kerajaan Persekutuan di pusat pentadbiran kerajaan ini.
10. Menerusi pemantauan udara oleh Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap pergerakan rentas negeri yang dibenarkan sejak 7 Mei lalu, mendapati orang ramai lebih memilih melakukan perjalanan pada waktu malam berbanding siang. Dan hari ini juga merupakan hari terakhir bagi menjalankan perjalanan rentas negeri.
11. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memperhalusi prosedur operasi standard (SOP) bagi membolehkan solat berjemaah di masjid sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Dengan pelaksanaan SOP yang teratur, saya percaya masjid sudah bersedia untuk dibuka kepada ahli kariah dan beri sedikit masa kepada pihak berkuasa agama Islam untuk memperhalusi SOP berkaitan. Kebanyakan pemilik stesen minyak tidak mempunyai dana untuk membeli minyak secukupnya bagi menampung peningkatan permintaan yang dijangka berlaku apabila PKP berakhir. Arah aliran menurun dalam harga minyak dan trafik yang lemah susulan PKP menyebabkan pengusaha stesen minyak terjejas teruk.
12. Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan penerbangan enam kali sehari bagi memantau persisiran perairan negara terutamanya di Selat Melaka bagi mengekang kemasukan pendatang tanpa

izin (PATI) ke negara ini susulan penularan wabak COVID-19.

13. Kawasan sekitar Pasar Jalan Othman di Petaling Jaya kini diletakkan bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula hari ini hingga 23 Mei depan. Kerajaan atas nasihat Menteri Kesihatan memutuskan untuk melaksanakan arahan kelapan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau Enhanced Movement Control Order (EMCO) di kawasan berikut, Zon A, Zon B dan Zon C. Zon A membabitkan kawasan di Jalan Penchala,Petaling Jaya; Jalan 4/33, Petaling Jaya; Jalan 4/37, Petaling Jaya; Jalan 4/39, Petaling Jaya; Jalan 4/41, Petaling Jaya; Jalan 4/44, Petaling Jaya; Jalan Terus 4/42, Petaling Jaya; Jalan 4/43, Petaling Jaya; Jalan 4/46, Petaling Jaya dan Jalan Othman 4/4D, Petaling Jaya. Zon B pula membabitkan Jalan 2/29, Petaling Jaya; Jalan 2/29A, Petaling Jaya; Jalan 2/27, Petaling Jaya; Jalan 2/32, Petaling Jaya;Jalan 2/25, Petaling Jaya; Jalan 2/26, Petaling Jaya;Jalan 2/34, Petaling Jaya; Jalan 2/34A, Petaling Jaya; Jalan 2/23, Petaling Jaya; Jalan Dispensary 2/38, Petaling Jaya dan Jalan Pasar 1/21, Petaling Jaya. Zon C membabitkan Jalan Selangor, Petaling Jaya; Lorong 3/57D, Petaling Jaya; Lorong 3/57C, Petaling Jaya; Jalan RIDA 3/56, Petaling Jaya dan Jalan Sentosa 3/57, Petaling Jaya.
14. Perjalanan balik kampung merentas sempadan negeri untuk tujuan berhari raya tidak dibenarkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa hingga 9 Jun ini. Walau bagaimanapun, kerajaan membenarkan aktiviti ziarah terhadap jiran terdekat dan keluarga dalam negeri yang sama, dengan had maksimum 20 orang pada satu-satu masa. Kelonggaran itu diberikan kepada rakyat yang menyambut tiga perayaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa hingga 9 Jun ini, iaitu Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai.
15. Hingga kini seramai 6.64 juta atau 43.6 peratus pekerja sudah kembali bertugas, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.
16. Orang ramai dinasihatkan tidak berkunjung ke empat kawasan yang masih berstatus merah bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Empat kawasan merah yang dimaksudkan ialah mukim Batu, Gombak, Selangor; zon Batu, mukim Batu, Kuala Lumpur; zon Kampung Baru, mukim Bandar, di sini dan mukim Pedas, daerah Rembau, Negeri Sembilan.
17. Terdapat 2,900 penduduk di kawasan itu yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mulai semalam hingga 23 Mei berikutan risiko penularan Covid-19 selepas 26 kes disahkan positif wabak.
18. Kebanyakan pengusaha bas menjangkakan kebangkitan semula memakan masa sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun. Menurutnya, disebabkan Covid-19, keadaan tidak seperti setiap kali musim perayaan yang mana permintaan sangat tinggi hinggakan tidak cukup bas. Keseluruhan di Malaysia, terdapat 170 syarikat bas ekspres dan ada yang menunggu masa jatuh bankrap akibat PKP.
19. Buat masa ini belum ada kaedah khusus mengenal pasti identiti warga asing

yang sudah atau belum membuat ujian swab. Kerajaan akan berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia dari segi kaedah untuk membezakan identiti warga asing tersebut dan berkemungkinan dengan menyediakan tag.

Maklum balas Bahagian:

1. Sekiranya rantaian wabak COVID-19 tidak dapat diputuskan, ianya akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi negara. Beberapa soalan berkaitan kesihatan telah dimasukkan ke dalam Soal Selidik Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
2. Meningkatkan taraf kebajikan penduduk dengan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Oleh yang demikian, sedikit sebanyak perkara ini terkesan akibat PKP yang telah dilanjutkan dalam tempoh masa yang lama dan telah memberi impak kepada Taraf pendapatan Isi Rumah juga bagi operasi Banci 2020.
3. Jabatan mengambil maklum kadar peratusan pelajar sekolah di Sabah yang terkesan dengan pelaksaaan pembelajaran atas talian. Melalui Banci 2020, di dalam soal selidik, soalan mengenai tahap capaian pengguna internet di dalam sesebuah TK dan setiap ahli isi rumah telah dimasukkan.
4. Soalan berkaitan pekerjaan telah di masukkan dalam Soal Selidik Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan Penduduk yang terjejas akibat COVID-19. Maklumat pendapatan Isi Rumah juga akan dikutip semasa Banci 2020.
5. Bahagian akan mengenal pasti jenis bantuan yang disalurkan sama ada boleh dikira sebagai pendapatan semasa pelaksanaan Banci 2020. Secara asasnya bantuan dalam bentuk tunai yang diterima secara berulang dan terakru akan diambil kira sebagai pendapatan Isi Rumah.
6. Senarai warga asing yang menetap di Malaysia boleh diperoleh daripada pihak berwajib bagi memastikan Banci 2020 diliputi secara menyeluruh.
7. Rakyat Malaysia diseru untuk mematuhi arahan PKPB sekiranya rantaian wabak COVID-19 tidak dapat diputuskan, ianya akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi negara. Beberapa soalan berkaitan kesihatan telah dimasukkan ke dalam Soal Selidik Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
8. Seramai 6.64 juta atau 43.6 peratus pekerja yang kembali bekerja dalam pelbagai sektor industri dan perniagaan, kegiatan ekonomi di negara kita akan dapat digerakkan semula. Yang bekerja akan dapat gaji, yang berniaga akan beroleh pendapatan dan keuntungan. Hasil pendapatan ini boleh dibelanjakan dalam sistem ekonomi kita yang akhirnya menjana pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, ia akan memberi impak kepada Taraf pendapatan Isi Rumah juga bagi operasi Banci 2020.
9. Soalan berkaitan pekerjaan telah di masukkan dalam Soal Selidik Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan Penduduk yang terjejas akibat COVID-19. Maklumat pendapatan Isi Rumah juga akan dikutip semasa Banci 2020.
10. Bahagian akan mengenal pasti jenis bantuan yang disalurkan sama ada boleh

dikira sebagai pendapatan semasa pelaksanaan Banci 2020. Secara asasnya bantuan dalam bentuk tunai yang diterima secara berulang dan terakru akan diambil kira sebagai pendapatan Isi Rumah.

11. Operasi saringan yang dilakukan dapat mengurangkan penularan wabak penyakit Covid-19. Masalah taraf kesihatan akan memberi kesan kepada pembangunan sosial di negara ini. Beberapa soalan berkaitan hubungan sosial dan kesihatan keluarga telah dimasukkan di dalam soal Selidik bagi Banci 2020. Soalan ini bertujuan untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br><br>9 Mei 2020 | **88.8 % syarikat sukar bayar gaji**<br><br>Pembayaran gaji pekerja dan ketiadaan pelanggan, mendominasi isu dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat serta firma perniagaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Berdasarkan Tinjauan Khas Kesan COVID-19, 88.8 peratus syarikat sendirian berhad menghadapi isu dan cabaran dalam pembayaran gaji pekerja, diikuti ketiadaan pelanggan (63.2 peratus). Walau bagaimanapun, (perniagaan) hak milik perseorangan pula menyatakan cabaran utama adalah ketiadaan pelanggan iaitu 70.7 peratus dan diikuti pembayaran gaji pekerja (62.5 peratus).<br><br>Tinjauan tersebut turut menunjukkan 53.4 peratus syarikat hanya mampu bertahan satu hingga dua bulan saja, sekiranya memberi kemudahan cuti bergaji penuh atau separuh gaji kepada pekerja. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576292/888-syarikat-sukar-bayar-gaji |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Star**<br><br>9 Mei 2020 | **SOCSO: More than two million apply for wage subsidy**<br><br>Over two million workers have applied for the Wage Subsidy Programme so far, the Social Security Organisation (SOCSO) revealed.<br><br>Its chief executive officer said the organisation received 278,505 applications from employers on behalf of 2.24 million workers between April 1 and May 7.<br><br>SOCSO also received 33,264 applications from employers for the Employment Retention Programme (ERP) representing 296,718 workers.<br><br>Applications for the ERP were still open, with an additional allocation of RM120mil from the government to benefit more workers seeking assistance. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/09/socso-more-than-two-million-apply-for-wage-subsidy |
| 3. | **Sinar Harian**<br><br>9 Mei 2020 | **[LAPORAN KHAS] Kaji selidik MAH dedah 50 peratus hotel timbang langkah penutupan**<br><br>Hotel-hotel di Malaysia diramal tidak merekodkan sebarang keuntungan dengan jumlah penghunian di hotel mencatat paras kurang daripada 40 peratus. Pihak hotel terpaksa menanggung kerugian dari bulan Mac hingga ke penghujung tahun ini dan situasi tersebut berkemungkinan berlanjutan hingga ke tahun 2021.<br><br>Penemuan daripada Survei oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) | https://www.sinarharian.com.my/article/82671/LAPORAN-KHAS/[LAPORAN-KHAS]-Kaji-selidik-MAH-dedah-50-peratus-hotel-timbang-langkah-penutupan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | terhadap 324 pengendali dan pemilik hotel di seluruh negara mendapati 50 peratus mempertimbangkan langkah penutupan hotel.<br><br>Sebanyak 15 peratus daripada jumlah tersebut mahu menutup sepenuhnya operasi manakala 35 peratus lagi tutup sementara. Manakala 20 peratus pekerja sektor perhotelan menerima pemotongan gaji, 26 peratus diarah bercuti tanpa gaji sementara enam peratus lagi terpaksa diberhentikan kerja. | |
| 4. | **Astro Awani**<br><br>10 Mei 2020 | **Pasca PKP: Kerajaan perlu rangka polisi untuk persiapkan pekerja ekonomi gig**<br><br>Dalam usaha menjaga kebajikan rakyat, terutamanya golongan pekerja sewaktu dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerajaan disarankan untuk melihat kembali polisi mengenai pekerja ekonomi gig secara menyeluruh.<br><br>Kerajaan perlu mewujudkan polisi kebajikan bersesuaian, pekerja ekonomi gig juga perlu menjaga kebajikan mereka seperti caruman dan insurans.<br><br>Dalam pada itu, pekerja ekonomi gig, serta rakyat secara keseluruhannya mengambil peluang dari impak COVID-19 ke atas sektor pekerjaan negara, dengan mengembang dan mencaturkan kembali kemahiran yang mereka ada. | http://www.astroawani.com/berita-bisnes/pasca-pkp-kerajaan-perlu-rangka-polisi-untuk-persiapkan-pekerja-ekonomi-gig-242359 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **The Star**<br><br>10 Mei 2020 | **Seeking jobs in the new normal**<br><br>The high unemployment rate in March reflects the negative impact of MCO on the labour market.<br><br>However, some businesses are still hiring, especially for delivery services and sectors involving essential goods like food.<br><br>About 40% of small and medium-sized enterprises (SMEs) are also terminating workers to stay afloat. The remaining 60% are not retrenching but some have either put a freeze on hiring or imposed pay cuts.<br><br>Some SMEs do hire people still, but only in small numbers and depending on the industry, Kang adds.<br><br>Such industries involve essential goods and services like manufacturers of food products, medical gear like gloves and the information technology sector. | https://www.thestar.com.my/news/focus/2020/05/10/seeking-jobs-in-the-new-normal |
| 6. | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **Kadar pengagguran AS paling teruk**<br><br>Amerika Syarikat (AS) berdepan kadar kehilangan pekerjaan paling teruk dalam sejarah akibat pandemik Covid-19 ketika Eropah dilihat menutup sempadannya untuk sebulan lagi.<br><br>Kira-kira 20.5 juta hilang pekerjaan pada April iaitu paling teruk pernah berlaku, sekali gus mengakibatkan tahap | https://www.hmetro.com.my/global/2020/05/576577/kadar-pengagguran-paling-teruk |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pengangguran meningkat kepada 14.7 peratus menjadikan ia paling tinggi sejak Era Kemelesetan Besar. | |
| 7. | **Berita Harian**<br><br>11 Mei 2020 | **PKPB: Bas ekspres Sabah mula beroperasi esok**<br><br>Bas ekspres di seluruh Sabah akan mula beroperasi, esok, bagi memudahkan rakyat yang memerlukan perkhidmatan itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).<br><br>Presiden Majlis Pengusaha-Pengusaha Bas Ekspres Sabah (SEBOC), Datuk Donald Hanapi, berkata semua penumpang bagaimanapun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.<br>Lebih 20 pengusaha perkhidmatan itu membabitkan lebih 200 bas ekspres, telah bersedia untuk memastikan SOP yang ditetapkan dapat dipatuhi. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/687529/pkpb-bas-ekspres-sabah-mula-beroperasi-esok |
| 8. | **New Straits Times**<br><br>11 Mei 2020 | **Recovery depends on fiscal stance**<br><br>The government should create opportunities for the 1.8 million expected to be unemployed after the pandemic whirlwind fizzles out. These unemployed people can be reskilled to take over from foreigners in the services and petty trade sectors.<br><br>E-platforms similar to those that drive Ramadan e-bazaars and ride-hailing services can help the newly employed in micro- | https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/05/591446/recovery-depends-fiscal-stance |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | enterprises. Under medical supervision, the unemployed can also be recruited profitably to conduct door-to-door Covid-19 testing and contact tracing. | |

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan Tinjauan Khas Kesan COVID-19 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 88.8 peratus syarikat sendirian berhad menghadapi isu dan cabaran dalam pembayaran gaji pekerja, manakala sebanyak 63.2 peratus menghadapi masalah ketiadaan pelanggan.
2. PERKESO telah menerima 278,505 permohonan daripada pihak majikan bagi 2.24 juta pekerja mereka bermula 1 April sehingga 7 Mei 2020.
3. Penemuan daripada Survei oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) 50 peratus pengendali dan pemilik hotel mempertimbangkan langkah penutupan hotel iaitu 15 peratus menutup sepenuhnya dan 35 peratus lagi menutup secara sementara. Manakala 20 peratus pekerja sektor perhotelan menerima pemotongan gaji, 26 peratus diarahkan bercuti tanpa gaji dan enam peratus lagi terpaksa diberhentikan kerja.
4. Kerajaan perlu mewujudkan polisi kebajikan bersesuaian kepada pekerja ekonomi gig bagi menjaga kebajikan mereka seperti caruman dan insurans. Mereka perlu ada kemahiran tambahan untuk memajukan diri dan perlu terus belajar kemahiran lain kerana proses pembelajaran itu adalah sepanjang hayat.
5. Sebahagian PKS masih lagi menawarkan pekerjaan tetapi skala yang sedikit kecil dan hanya dalam industri tertentu seperti pembuatan makanan, pembuatan sarung tangan dan juga sektor teknologi maklumat. Dianggarkan 40 peratus PKS telah mengambil tindakan memberhentikan pekerjanya manakala 60 peratus masih mengekalkan pekerjanya. Sebahagian daripada PKS telah membekukan pengambilan pekerja baharu serta melaksanakan pemotongan gaji pekerja mereka.
6. Kira-kira 20.5 juta hilang pekerjaan pada bulan April di Amerika Syarikat, iaitu situasi paling teruk pernah berlaku, sekali gus mengakibatkan tahap pengangguran meningkat kepada 14.7 peratus dan menjadikan ia paling tinggi sejak Era Kemelesetan Besar.
7. Bas ekspres di seluruh Sabah akan beroperasi mulai esok, bagi memudahkan rakyat yang memerlukan perkhidmatan itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).
8. Kerajaan perlu mewujudkan peluang perkerjaan kepada anggaran 1.8 juta yang dijangka bakal menganggur selepas wabak pandemik ini berakhir. Golongan tersebut perlu mempertingkatkan tahap kemahiran masing-masing bagi menggantikan peranan pekerja warga asing dalam sektor perkhidmatan dan peruncitan.
9. Di antara peluang pekerjaan yang boleh dilakukan oleh penganggur pada masa ini ialah melakukan perkhidmatan pembekalan makanan melalui e-

platform atau Ramadhan e-bazaar. Selain itu, perkhidmatan *door to door COVID-19 testing* dan *contact tracing* juga boleh dilaksanakan dengan pemantauan pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan beberapa hotel di seluruh negara ini akan memberi kesan kepada bilangan penduduk bekerja dan gaji dan upah yang diterima dalam industri tersebut. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan penduduk bekerja di dalam industri penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman adalah 1,549.7 ribu orang. Manakala berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018 pula penengah dan purata gaji bulanan bagi industri tersebut adalah sebanyak RM1,657 dan RM 1,914. Peningkatan bilangan penganggur disebabkan penutupan hotel tersebut boleh menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran bagi bulan-bulan yang terkesan. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh Mac 2020, kadar pengangguran meningkat kepada 3.9 peratus. Kadar pengangguran yang tinggi ini dipengaruhi terutamanya oleh impak negatif PKP ke atas pasaran buruh.
2. Isu dan krisis syarikat yang tidak mampu membayar gaji pekerja akan menjejaskan Statistik Gaji dan Upah bagi tahun 2020. Pada tahun 2018, berdasarkan Survei Gaji dan Upah, purata gaji bulanan adalah sebanyak RM3,087 dan penengah gaji bulanan adalah sebanyak RM2,308. Tinjauan yang menunjukkan 53.4 peratus syarikat hanya mampu bertahan satu hingga dua bulan saja, sekiranya diberi kemudahan cuti bergaji penuh atau separuh gaji kepada pekerja. Penduduk bekerja ini terdedah kepada risiko pengangguran dan kehilangan pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan.
3. Program Subsidi Upah dijangka dapat menstabilkan pasaran buruh di Malaysia di mana majikan yang memohon subsidi berkenaan tidak dibenarkan membuang pekerja, memotong gaji mahupun mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh tiga bulan selepas program itu dilaksanakan iaitu April sehingga Jun 2020.
4. Penawaran pekerjaan baharu semasa PKP tidaklah sebanyak seperti biasa. Penawaran jawatan baharu juga terhad kepada industri tertentu seperti pembuatan makanan dan pembuatan sarung tangan. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan penduduk bekerja di dalam sektor pembuatan adalah sebanyak 2,681.5 ribu orang.
5. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh suku tahun pertama 2020, bilangan penganggur naik 5.8 peratus kepada 546.6 ribu orang, berbanding suku yang sama tahun lepas. Kadar pengangguran juga meningkat kepada 3.5 peratus berbanding 3.2 peratus pada suku keempat 2019 berikutan daripada kadar pengangguran yang meningkat pada bulan Mac 2020 (3.9%). Kadar pengangguran yang tinggi ini dipengaruhi terutamanya oleh impak negatif PKP ke atas pasaran buruh.
6. Bermula Mac 2020, kadar pengangguran mula menampakan peningkatan

| | |
|---|---|
| | dan strategi bagi mengawal peningkatan tersebut perlu dirangka dengan lebih awal dan menyeluruh. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh suku tahun pertama 2020, bilangan penganggur naik 5.8 peratus kepada 546.6 ribu orang, berbanding suku yang sama tahun lepas. Kadar pengangguran juga meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 3.5 peratus pada suku tahun pertama 2020. Ini berikutan daripada kadar pengangguran yang meningkat kepada 3.9 peratus pada Mac 2020, mencerminkan kesan negatif susulan PKP. |
| 7. | Pada April hingga Mei 2020, bilangan penduduk bekerja bagi warganegara dijangka meningkat manakala bukan warganegara menurun susulan wujud peluang pekerjaan kepada warganegara menggantikan peranan pekerja warga asing dalam sektor perkhidmatan dan peruncitan. |

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro awani**<br>8 Mei 2020 | **Pembuatan sarung getah dominasi industri pembuatan getah asli**<br><br>Pembuatan sarung tangan getah kekal mendominasi industri pembuatan getah asli dengan penggunaan sebanyak 34,086 tan metrik atau 80.7 peratus. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembuatan-sarung-getah-dominasi-industri-pembuatan-getah-asli-242089 |
| | **The Edge Markets**<br><br>8 Mei 2020 | **Natural rubber output drops 23.3% in March**<br><br>Malaysia's natural rubber (NR) production in March 2020 declined 23.3% to 35,961 tonnes from 46,881 tonnes in February 2020. | **Sumber lain:**<br>https://www.theedgemarkets.com/article/natural-rubber-output-drops-233-march |
| 2. | **Berita Harian**<br><br>8 Mei 2020 | **Program Food Bank YaPEIM bantu golongan terkesan COVID-19**<br><br>Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) sudah membelanjakan sebanyak RM2.1 juta untuk program Food Bank YaPEIM 2.0 misi Musa`adah COVID-19 dan Ramadan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686773/program-food-bank-yapeim-bantu-golongan-terkesan-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Malaysia gazet**<br><br>9 Mei 2020 | **FGV pasar produk makanan di India**<br><br>FGV Trading Sdn Bhd (FGVT) menandatangani Perjanjian Usaha Sama dengan Pre-Unique India Pvt Ltd (PreU) yang berpusat di Hyderabad untuk membentuk syarikat usaha sama (JV) yang berpangkalan di India. | https://malaysiagazette.com/2020/05/09/fgv-pasar-produk-makanan-di-india/ |
| 4. | **Bernama**<br><br>8 Mei 2020 | **Waste collectors, the forgotten frontliners**<br><br>Waste collectors or garbagemen, for example, have been working tirelessly to ensure the most residential areas remains clean and that the people will not have to suffer from foul and unpleasant smell emanating from their domestic waste. | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1839692#.XrXjQhu6WHI.whatsapp |
| 5. | **The Star**<br><br>8 Mei 2020 | **Air pollution clears considerably in Malaysia and some cities in South-East Asia, study finds**<br><br>Lockdowns and movement restrictions have led to blue skies in some parts of South-east Asia, giving residents a respite from air pollution. | https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/05/08/air-pollution-clears-considerably-in-malaysia-and-some-cities-in-south-east-asia-study-finds |
| 6. | **Astro Awani**<br><br>9 Mei 2020 | **650 penduduk Debak, Betong terjejas rumah dilanda banjir**<br><br>Seramai 650 penduduk di kawasan Debak, Betong terjejas apabila kawasan laluan masuk dan rumah mereka dilanda banjir sejak awal pagi ini. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/650-penduduk-debak-betong-terjejas-rumah-dilanda-banjir-242225#.Xrc4Wxzf8LY.whatsapp |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **Beruas dilanda banjir**<br><br>Hujan lebat menyebabkan banjir di kawasan Taman Anggerik, Beruas dekat Manjung yang menjejaskan 27 mangsa membabitkan lima keluarga, malam tadi. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576624/beruas-dilanda-banjir |
| 8. | **Harian Metro**<br><br>9 Mei 2020 | **Pindah balak haram waktu berbuka**<br><br>Cubaan dua pemandu lori memindahkan balak bernilai RM12,000 ketika waktu berbuka puasa gagal apabila mereka diberkas anggota Unit Tindakan Khas (UTK) Pejabat Hutan Daerah (PHD) Rompin di simpang Kompleks Komuniti Ladang Risda Keratong, Rompin, semalam. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576508/pindah-balak-haram-waktu-berbuka |
| 9. | **Bernama**<br><br>10 Mei 2020 | **Jabatan Perikanan siasat punca ikan dalam sangkar mati di Kuala Kurau**<br><br>Jabatan Perikanan sedang menjalankan siasatan mengenai kejadian ternakan ikan dalam sangkar ditemui mati dalam kejadian di Muara Kuala Kurau | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1840206 |
| 10. | **Berita Harian**<br><br>11 Mei 2020 | **Barang keperluan asas cukup, mudah diperoleh - Ismail Sabri**<br><br>Barang keperluan asas mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara secara berterusan, selain mudah diperoleh, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687629/barang-keperluan-asas-cukup-mudah-diperoleh-ismail-sabri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11. | **Harian Metro**<br><br>10 Mei 2020 | **Kilang Ayam Daging Punca Serangan Lalat**<br><br>MAJLIS Daerah Hulu Selangor (MDHS) mengeluarkan notis kacau ganggu selama seminggu kepada kilang ternakan ayam daging di Kampung Sungai Jang, Kerling yang menjadi punca serangan lalat kepada penduduk kampung itu. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576808/kilang-ayam-daging-punca-serangan-lalat |
| 12. | **Bernama**<br><br>11 Mei 2020 | **Kesan COVID-19 Terhadap Haiwan, Tumbuhan Dan Alam Sekitar**<br><br>Wabak COVID-19 dilaporkan menyerang secara agresif di 210 negara dan wilayah di seluruh dunia. Sehingga kini, virus itu menjangkiti kira-kira 3.8 juta orang dan mengorbankan 280,000 orang. | https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1840364#.Xrh53ngH8bM.whatsapp |
| 13. | **Daily Express**<br><br>10 Mei 2020 | **States Can No Longer Afford To Lose Any More Forests**<br><br>There have been many reports citing improved environmental quality referring to clearer skies and cleaner rivers.<br><br>The movement control order (MCO) was implemented to curb COVID-19. Due to this, the economy is not operating at its normal level. What we are seeing now is the result of very low pollution loading. | http://www.dailyexpress.com.my/read/3698/states-can-no-longer-afford-to-lose-any-more-forests/ |

Penemuan penting & isu:

1. Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata:
    i. Angka itu diperoleh daripada jumlah keseluruhan penggunaan domestik bersamaan 42,244 tan metrik pada Mac 2020 iaitu peningkatan 1.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.
    ii. Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mac 2020 menurun kepada

negatif 23.3 peratus kepada 35,961 tan metrik berbanding 46,881 tan metrik pada Februari 2020. Penurunan pengeluaran getah turut dipengaruhi oleh pelaksanaan PKP Fasa Satu di mana penoreh tidak keluar menoreh di samping faktor *wintering period* yang masih berlaku.

iii. Eksport getah asli Malaysia berjumlah 45,198 tan metrik, menurun sebanyak 12.8 peratus berbanding 51,852 tan metrik pada Februari 2020. Destinasi utama eksport getah asli adalah China iaitu 41.8 peratus daripada jumlah eksport pada Mac 2020. Diikuti Jerman (9.3 peratus), Iran (5.8 peratus), Amerika Syarikat (5.7 peratus) dan Brazil (3.3 peratus).

iv. Eksport tertinggi adalah bagi item sarung tangan dengan nilai RM1.78 bilion iaitu peningkatan 11.9 peratus berbanding Februari 2020. Selain itu, berlaku juga peningkatan kepada eksport kondom (21.7 peratus) dan tiub (19.3 peratus) dengan nilai masing-masing sebanyak RM28.6 juta dan RM0.8 juta bagi tempoh yang sama.

v. Kenaikan ini antaranya disebabkan oleh pelaksanaan lockdown akibat COVID-19 yang berlaku. Harga purata bagi lateks pekat pada Mac 2020 ialah 435.66 sen (RM4.36) sekilogram berbanding 456.73 sen (RM4.57) sekilogram pada bulan sebelumnya. Harga purata Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M. 20) menurun kepada 517.45 sen (RM5.17) sekilogram berbanding dengan 529.68 sen (RM5.30) sekilogram pada Februari 2020.

2. Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM, Parihah Hasan, berkata:

   i. Misi itu bertujuan meringankan bebanan kepada kumpulan sasar di seluruh negara termasuk petugas barisan hadapan menangani COVID-19.

   ii. Selepas program misi Musa`adah ini menjelajah di empat negeri iaitu Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, lebih 3,000 ahli keluarga kumpulan sasar sudah mendapat manfaatnya.

   iii. Program Food Bank sudah bermula akhir tahun lalu dengan peruntukan RM4 juta bagi membantu meringankan bebanan ditanggung golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) selain pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

   iv. Apabila tercetus wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), YaPEIM memulakan misi Musa`adah COVID-19. Ia sebagai tambahan dalam membantu keluarga yang terkesan dengan PKP, selain petugas barisan hadapan termasuk anggota dari pasukan keselamatan.

3. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata:

   i. Prospek pertumbuhan pasaran India sangat besar memandangkan jumlah penduduknya melebihi 1.3 bilion. Usaha sama ini akan berfungsi sebagai batu loncatan bagi FGV untuk turut serta secara langsung

dalam pasaran produk makanan di India, terutama di wilayah India Selatan.

ii. Sebelum ini, FGVT mengeksport minyak sawit mentah (CPO) dan produk tertapis (*refined products*) ke pasaran India. Usaha sama ini sangat bersesuaian dengan strategi jangka panjang FGV untuk menjadi salah satu pemain perniagaan agri bersepadu dan lestari terkemuka di dunia.

iii. Ini juga merupakan peluang besar bagi FGV untuk mewujudkan kehadiran di sepanjang rantaian nilai minyak sawit di pasaran pengguna India dengan tumpuan khusus pada produk makanan barangan pengguna cepat laris (FMCG).

iv. FGVT adalah entiti sehenti Kumpulan FGV yang memberi tumpuan kepada penjualan minyak sayuran, minyak sawit dan minyak laurik secara pukal ke pasaran tempatan dan destinasi eksport seperti China, India dan Pakistan.

v. Ia menguruskan keseluruhan spektrum rantaian bekalan dari hujung ke hujung, dengan pasukan pedagang yang berpengalaman dan berjaya dalam mengendalikan produk yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan.

4. *Waste collector with the Kuala Terengganu City Council (MBKT), Mohd Syahir Mazlan*

*i. Not only people would look at him with disgust, but he was often ridiculed for wallowing in garbage almost every day.*

*ii. The 28-year-old said that he had also been scolded by some residents just because the garbage truck that he used was too smelly to pass through their residential area.*

*iii. Let the people say what they want. It is not easy to find jobs nowadays and we can't be too choosy. Not many people are willing to work as waste collectors. So, if I don't do it, who will?*

*iv. Was tasked to collect garbage around Manir area said although the pay was not as good as in other industry, he was grateful for being able to generate his own income and served the community.*

*v. Every year, the amount of waste disposed by the public would double during the eve and early morning of Hari Raya Aidilfitri and that was the time when he and his colleagues would be working extra hard so that people could enjoy their celebration in a clean environment.*

*vi. However, we foresee that the workload will not be as much this year following the enforcement of the Conditional Movement Control Order (CMCO).*

*vii. Mohd Asrol Mohd Aluwi, 36 said:*

*viii. People's attitude to littering remained the top cause of headache that he had to face after 13 years working in the industry.*

*ix. When people did not properly put their garbage in the bin, it would be difficult for his team to collect it, especially when it rains.*

x. *MBKT Environmental Health Department deputy director Suzaimi Mazlan mentioned that:*

xi. *This Ramadan was quite different and easy for their 500 cleaners and 150 waste collectors because no Ramadan bazaars and dining-out were allowed during the MCO period.*

xii. *On average, only 230 tonnes of waste were collected since the first day of Ramadan compared to 250 to 280 tonnes daily during the fasting month last year.*

xiii. *During the MCO, waste collection showed a decline in the city center, but an increase in residential areas and villages, with most of it were food waste, he added.*

5. *The World Health Organisation*

i. *Hazardous air in the region causes about 800,000 deaths a year and the brighter skies, however temporary, underscore how dependent the region is on fossil fuels for energy and transport and the health risks.*

   a. *Centre for Research on Energy and Clean Air (CREA)*

ii. *The analysis focused on nitrogen dioxide (NO2) pollution and, where data was available, readings of fine particulate matter of 2.5 microns in size (PM2.5), comparing the impact of lockdown periods this year with the same period last year.*

